

*Seminar Kebangsaan  
Peranan Zakat Dalam  
Institusi Pendidikan*

*Tema*

**Zakat Agen Kecemerlangan Pendidikan Ummah**

*Tarikh*

**22 Jun 1998**

*Tempat*

**Dewan Muktamar I  
Pusat Khidmat Islam Bersepadu (PKIB)  
ITM Shah Alam**

*Anjuran Bersama*



**Institut  
Teknologi  
MARA**



**Pusat  
Zakat  
Selangor**




*Seminar Kebangsaan  
Peranan Zakat Dalam  
Institusi Pendidikan*

**KERTAS KERJA 1**


**ZAKAT AL-MAL AL-MUSTAFAD  
DAN PERLAKSANAANNYA  
DI INSTITUSI PENDIDIKAN**

Oleh:  
**Dr. Mujaini Tarimin**  
Pensyarah Kanan  
Pusat Pendidikan Islam  
ITM, Shah Alam



*Anjuran Bersama*

**ITM & PZS**



# **ZAKAT *AL-MAL AL-MUSTAFAD* DAN PERLAKSANAANNYA DI INSTITUSI PENDIDIKAN**

Zakat merupakan tunggak ekonomi umat Islam. Oleh sebab itu, zakat menjadi salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam yang berkemampuan. Kewajipan zakat harta tidak terbatas kepada harta yang disebutkan secara formal atau verbel dalam Hadis semata-mata, sewajarnya diperluaskan lagi kerana zakat berperanan untuk membangunkan sosial dan kerohanian umat Islam secara menyeluruh sahingga terbina sebuah masyarakat yang maju, salih dan teguh asas ekonomi mereka.

Zakat berasal daripada kalimah Arab Klasik yang pernah digunakan oleh masyarakat Arab kuno dan agama-agama samawi terdahulu.. Ia juga merupakan kewajipan yang seiringan dengan ibadah sembahyang. ‘Abd Allah b. Mas‘ud (m. 32H), ‘Ali b. Abi Talib (m. 40H), ‘Abd Allah b. ‘Umar (m. 73H), dan Ibn Majah (m. 273H) ada meriwayatkan Hadis daripada Rasul Allah s.‘a.w. berhubung dengan balasan orang yang tidak membayar zakat dan menunaikan salat, “Tidak sempurna sembahyang seseorang yang tidak menunaikan zakat, dan tidak sempurna zakat seseorang yang tidak menunaikan sembahyang”<sup>1</sup> Zakat diwajibkan kepada umat Islam secara bertahap (tadarruj). Kewajipannya dinaskan dengan berbagai-bagi istilah dan pengertian tetapi kesemuanya menjurus kepada satu maksud, iaitu zakat, di antaranya;

صدقة, صدقات, تصدق, حق, نصيب, خير, انفاق, مغفرة, قرض حسن

---

<sup>1</sup> Ibn Abi Syaybah, al-Musannaf, al-Hadith wa al-Athar, II, Dar al-Taj, Beirut, 1989, halaman 353; Abu Ubayd, al-Amwal, Mu‘assah Nasir lil Thaqafah, 1981, halaman 146; Zayd b. ‘Ali, Musnad, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, Beirut, 1983, halaman 179; dan Ibn Majah, Sunan, I, Dar Ihya’ Turath al-‘Arabi, 1975, halaman

Imam al-Mawardi, menegaskan bahawa perkataan sedekah yang terdapat di dalam al-Quran dan Hadis memberi makna zakat. Beliau berkata: “Perkataan sedekah itu semakna dengan perkataan zakat, sebutan nama yang berlainan tetapi memberi makna yang serupa”<sup>2</sup>. Pada umumnya para fuqaha memberikan takrif zakat seperti berikut;

*“Penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada amil yang bertauliah untuk diagihkan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya bagi mencari keredaan Allah, penyucian diri dan harta kekayaan untuk membangunkan masyarakat berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak”*

Zakat disebut dalam al-Quran secara umum.<sup>3</sup> Pada peringkat awal, Nabi Muhammad s.a.w. menerangkan maksud ayat-ayat umum mengenainya melalui Hadis,<sup>4</sup> kemudian ijthid Sahabat, ijthid fuqaha al-Salaf dan fuqaha al-Khalaf yang bersesuaian dengan perubahan sosio-budaya setempat. Justeru itu fuqaha hari ini berkewajipan meneruskan ijthid mereka untuk menentukan hukum zakat selaras dengan pembangunan masyarakat berteknologi tinggi. Sesuatu penyelidikan berkemungkinan akan menimbulkan pertentangan pendapat pada peringkat awal, namun pertentangan pendapat itu pada suatu masa dapat diselesaikan dengan mufakat, wajar dan harmoni. Perubahan aktiviti ekonomi dan cara hidup sekarang memberi kesan positif kepada perkembangan sektor kehartaan. Harta yang berdaya maju kini tidak pernah wujud pada zaman Nabi, zaman Sahabat, zaman Tabi‘in dan zaman selepasnya seperti penggajian, saham, sewa bangunan, hotel, projek pertanian berkelompok, subsidi, bonus, pampasan, pencen, elaun, royalti, pendapatan ahli profesional, pendapatan pindahan dan lain-lain.

---

27.

<sup>2</sup> Al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyah, Mustafa al-Halabi, Kaherah, 1973, hal. 112.

<sup>3</sup> Al-Syafi‘i, al-Risalah, Mustafa al-Babi al-Halabi, Kaherah, 1969, halaman 82 dan 86.

<sup>4</sup> Al-Syafi‘i, al-Risalah, op. cit., halaman 82.

## KONSEP DAN TAKRIF ZAKAT *AL-MAL AL-MUSTAFAD*

Zakat al-Mal al-Mustafad merupakan zakat ke atas harta pendapatan yang diperolehi secara bekerja dan berusaha yang dilakukan oleh orang Islam sama ada dalam bentuk gaji, upah, elaun, pendapatan pindahan dan lain-lain lagi. Zakat al-Mal al-Mustafad merupakan zakat yang baru diperkenalkan secara meluas oleh Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi melalui buku beliau yang bertajuk, “*Fiqh al-Zakat Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw’ al-Quran wa al-Sunnah*”.<sup>5</sup> Di Malaysia usaha ke arah mewajibkan zakat tersebut sedang dipergiatkan oleh institusi-institusi zakat dan oleh ahli akademik. Maksud al-Mal al-Mustafad dalam kertas kerja ini ialah;

*“Hasil pendapatan atau pulangan atau yang berupa upah, gaji, hadiah, ganjaran, pampasan atau apa-apa pemberian daripada kerajaan atau bukan kerajaan sebagai balasan perkhidmatan yang diberikan kepadanya, berdasarkan tempuh masa seperti setiap tahun, bulan, minggu atau semasa bersara atau setelah mati atau berdasarkan kerjaya seperti perubatan, kawalan keamanan, guaman dan lain-lain, dengan syarat pulangan/pendapatan yang diperolehinya itu bukan disebabkan keuntungan pelaburan atau perniagaan atau pembiakan.”*

Zakat al-Mal al-Mustafad merupakan pendapatan baru yang tidak tertakluk kepada mana-mana nas dan dalil harta zakat yang ada. Kewajipan zakat ini akan melibatkan secara langsung mengenai pendapatan penggajian, elaun, bonus, pendapatan ahli profesional dan pendapatan pindahan.

Keunggulan sistem zakat adalah disebabkan keterikatannya dengan prasyarat yang rasional, dinamis dan produktif. Di antara prasyarat utama harta kenaan zakat berasaskan kepada harta yang mempunyai fungsi berkembang secara tabi’i atau secara diusaha seperti kuda, madu, sayur-

---

<sup>5</sup> Lihat Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakah*, I, Mu’assasah al-Risalat, Beirut, 1981, Bab IX yang bertajuk “Zakat Kasb al’Amal wa al-Mihn al-Hurrah”, halaman 487-520.

sayuran, buah-buahan, petrol, mutiara, gas, gaji, elaun, bonus, sewa bangunan, perusahaan perhotelan, pangangkutan, pendapatan ahli profesional, pendapatan pindahan dan lain-lain lagi yang belum berlaku pada awal Islam.

Fuqaha patut menyingkap era baru mengenai pentafsiran ayat-ayat al-Quran dan al-Hadtih yang berkaitan dengan persoalan ekonomi dan kehartan (zakat) supaya amalan berzakat tidak berpisah dengan persoalan ibadah, ekonomi dan sosio-budaya sehingga dapat setanding dengan kemajuan ekonomi dan pembangunan masyarakat moden. Ekonomi rakyat Malaysia telah meningkat, dengan itu ramai penduduknya yang menjadi orang kaya atau berpendapatan tinggi dan berkemampuan, ada yang menjadi majikan atau pekerja yang dibayar upah, gaji, elaun dan bonus. Pendapatan tahunan mereka telah melebihi had minimum nisab. Apakah pendapatan yang banyak itu terus dibebaskan zakat sedangkan petani yang berpendapatan RM400 dibebaskan dengan zakat sebanyak 5-10% sedangkan prinsip zakat dikenakan kepada orang yang berkemampuan atau kaya. Maka pendapatan gaji, pendapatan ahli profesional dan pendapatan pindahan (al-Mal al-Mustafad) tidak terkecuali daripada dikenakan zakat.

Al-Quran memberikan perhatian yang besar terhadap harta kekayaan, sebab itu Islam memberi perhatian yang tinggi terhadap cara mendapatkannya dan cara menggunakannya. Harta laksana darah yang mengalir di dalam sistem tubuh manusia yang mengawal perjalanan hidup yang sempurna. Seperti juga harta boleh berkhidmat kepada manusia jika pengurusan penggunaannya dilaksanakan secara sistematik.<sup>6</sup>

Hingga sekarang baru 8 buah negeri yang telah menfatwakan zakat hasil penggajian, N. Sembilan, Kedah, P.Pinang, Trengganu, Perlis, W. Persekutuan, Kelantan dan Selangor. Lain-lain negeri masih belum/menolak kewajipan zakat gaji. Pada 22hb. Jun 1997 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah menfatwakan bahawa zakat ke atas pendapatan dari penggajian adalah wajib ke atas seseorang Islam yang layak. Penulis melihat, zakat al-Mal al-Mustafad yang boleh dikutip di ITM adalah disektor hasil penggajian, tabung akaun amanah dan pendapatan kontraktor yang berjaya mendapat tender atau sebut harga (pendapatan ahli profesional).

---

<sup>6</sup> Taha (20): 50; al-Nur (24): 33; al-Hadid (57): 7; al-Nisa' (4): 7; dan al-Taghabun (64): 17.

## PENDALILAN ZAKAT AL-MAL AL-MUSTAFAD

### Dalil Daripada Al-Quran

Perbicaraan utama isu-isu zakat di dalam al-Quran adalah berpaksi kepada kalimah harta <sup>7</sup> yang disebut dengan kata tunggal *mal* atau kata jamak *amwal*.<sup>8</sup> Mengikut kaedah ilmu Usul al-Fiqh dan ‘Ulum al-Quran, setiap kalimah yang diidafah, *Amwali him* atau kalimah mufrad yang di mulakan dengan *alif lam ma‘rifat, al-mal*, ia membawa pengertian luas dan umum. Dengan itu, setiap kalimah umum di takrifkan sebagai “Sesuatu kalimah yang membawa pengertian yang luas dan memperincikan kepada sesuatu makna yang tersurat (nas), teradat (‘urf) atau tersirat (‘illat) melainkan terdapat padanya dalil pengkhususan dan pengecualian”.<sup>9</sup> Dalam surah al-Baqarah (2) ayat 267, Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِأَخِيذِهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَنِّي حَمِيدٌ

*“Wahai Orang-orang yang beriman! nafkahkanlah (keluarkan zakat) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik. Dan sebahagian daripada apa yang kamu keluarkan daripada hasil bumi dan jangan kamu pilih yang buruk-buruk, pada hal kamu sendiri tidak menyukainya. Ketahuilah Allah Maha Kaya Lagi Sentiasa Terpuji”.*

<sup>7</sup> Dalam bahasa al-Quran harta (Mal) diertikan sebagai; “Sesuatu barang atau nilai bermanfaat yang digemari manusia bagi kepentingan mereka atau jaminan masa hadapan (simpanan)”. Lihat Q: al-Kahfi (18): 46; al-Fajr (89): 20; Ibn Manzur, Lisan al-‘Arb, XI, Dar al-Sadir, Beirut, halaman 635; Al-Fayruzabadi, al-Qamus al-Muhid, IV, Mu‘ssasah al-Halabi, Kaherah, 1306H, halaman 52; dan “Harta adalah sesuatu yang menjadi milik individu atau syarikat. Ia mempunyai nilai wang dan ia boleh mendapatkan faedah daripadanya, lazimnya ia berkonsepkan benda daripada hak atau kepentingan”. Siti Rohani Yahya, Konsep Asas Ekonomi-Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, halaman 62.

<sup>8</sup> Lihat Q: al-Baqarah (2): 177, 261, 262, 267; al-Dharyat (51): 19; al-Ma‘arij (70): 24; dan al-Layl (92): 18.

<sup>9</sup> Al-Syafi‘i, op.,cit., halaman 86; Al-Syasyi, Usul, Dar al-Kutb al-‘Arabi, Beirut, 1982, halaman 20-24; dan Al-Basri al-Mu‘tazili, al-Mu‘tamad fi Usul al-FiqhI, Dar al-Kutb al-‘Ilmiyah, Beirut, 1989, halaman 189-190.

Ayat tersebut memberi perhatian kepada setiap orang Islam supaya mempelbagaikan sumber zakat harta yang diperolehi melalui dayausaha atau kerjaya. Seruan itu telah dijelaskan melalui ayat, *Ma Kasabtum* (setiap apa sahaja yang kamu usahakan). Menurut al-Suyuti (m. 911H), kalimah *Mubhamah Ma* memberikan pengertian umum.<sup>10</sup> Ini bermakna ayat itu menunjukkan kepada sebarang hasil pekerjaan yang diperolehi secara halal pada bila-bila masa dan di mana sahaja wajib dikenakan (zakat). Persoalan itu pernah dinyatakan oleh Nabi Muhammad s.‘a.w., dalam khutbah baginda semasa peperangan Uhud. Baginda menyeru kepada orang Islam supaya menumpukan bidang kerjaya mereka kepada perkara yang suci dan halal. Umat Islam mestilah sentiasa berwaspada supaya terhindar diri daripada menceburi pekerjaan yang mendatangkan kesamaran (syubhat) dan tidak maruah.<sup>11</sup> Kalimah *al-Kasb*, mengikut pengertian bahasa bererti mencari atau mengumpul harta<sup>12</sup> untuk membiayai sara hidup diri, keluarga, melunas hutang, mendana pelaburan dan simpanan.<sup>13</sup>

Pencarian dan pengumpulan harta atau kekayaan dilakukan dengan cara berniaga, mendapat bantuan, mengajar dan membangunkan tanah sebagai industri perniagaan atau pertanian.<sup>14</sup> Kalimah *Ma Kasabtum* yang terdapat dalam ayat 267 al-Baqarah (2) itu mengikut tafsiran ‘Abd Allah b. ‘Abbas (m.

<sup>10</sup> Al-Suyuti, *Itqan fi ‘Ulum al-Quran*, III, al-Hay’ah al-Masriyyah al-‘Ammah Lil Kitab, Kaherah, 1975, halaman 48; dan Abu al-Walid al-Baji, *Ihkam al-Fusul fi Ahkam al-Dar al-‘Arb al-Islami*, Beirut, 1986, halaman 231.

<sup>11</sup> Al-Waqidi, *al-Maghazi*, al-Maghazi, I, Dar al-Ma‘arif, Mesir, 1964, halaman 222; dan Muhyu al-Din al-Masis, *Syarh Musnad Abu Hanifah*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, Beirut, 1985, halaman 62.

<sup>12</sup> Ibn Kathir, *al-Bidayah*, XIII, *Matba‘ah al-Sa‘adah*, Beirut, 1966, halaman 54; Ibn Faris al-Qazwini, *Mu‘jam Maqayis al-Lughat*, VI, Mustafa al-Halabi, Mesir, 1991, halaman 179; dan *Majma‘ al-Lughat al-‘Arabiyyah al-Qaherah*, Mu‘jam al-Wasit, II, Syirkah Musahamah al-Masriyyah, 1960, halaman 786.

<sup>13</sup> Ahmad b. Hanbal, *Munad*, VI, *al-Matba‘ah al-Yamaniyyah*, Kaherah, 1314H, halaman 31-42; dan Al-Syaybani, *al-Iktisab fi al-Rizq al-Mustatab*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, Beirut, 1986, halaman 57-60.

<sup>14</sup> Al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, V, al-Khanji, Mesir, 1313H, halaman 112; dan Salih b. Muhammad al-Fahd al-Mazid, *Kasb al-Muwaz*, al-Madani, Kaherah, 1983, halaman, 2.



68H), ‘Ali b. Abi Talib (m. 40H) dan al-Tabari (m. 310H) bermaksud, “mereka yang berusaha dengan susah payah atau mudah untuk mengumpulkan emas dan perak (wang)”.<sup>15</sup> Oleh itu, al-Zamakhshari (m. 538H) dan al-Naysaburi (m. 468H) mewajibkan zakat kepada semua pendapatan yang diusahakan oleh setiap orang Islam.<sup>16</sup> Selain daripada kalimah *Ma Kasabtum*, terdapat juga dalam surah al-Baqarah (2) ayat 254 kalimah *Mimma Razaqnakum*.

*“Wahai orang-orang yang beriman! Sebarkanlah (zakat/ sedekah) sebahagian daripada apa yang telah. Kami berikan kepada kamu sebelum tiba hari kiamat yang tidak ada jual beli padanya dan tidak ada kawan dan teman (yang memberi manfaat) serta tidak ada pula pertolongan syafa`at. Dan orang-orang kafir mereka itulah golongan yang zalim”.*

Mengikut tafsiran al-Tabari (m. 310H) dan al-Syawkani (m. 1255H) ayat itu menegaskan bahawa setiap orang Islam yang kaya wajib mengeluarkan zakat pendapatan mereka kerana mengelak diri daripada kewajipan zakat boleh digolongkan sebagai orang kafir dan mereka dianggap sebagai golongan yang menganiayai dirinya sendiri.<sup>17</sup> Dalam surah al-Anfal (8) ayat 3, Allah s.w.t. menyatakan sifat-sifat orang yang benar-benar beriman. Salah satu sifat orang yang beriman ialah mengeluarkan zakat pendapatan. (*wa mimma razaqna hum yunfiqun*). Allah berfirman;

*“Sesungguhnya orang yang sempurna iman mereka ialah apabila disebut nama atau sifat Allah s.w.t. gemetar hati nuraninya. Dan apabila dibacakan ayat-ayatnya bertambah*

<sup>15</sup> Al-Fayruzabadi, *Tanwir al-Miqyas min Tafsir Ibn ‘Abbas*, Dar al-Fikr, Beirut, t., t., halaman 38; Al-Tabari, *Jami‘ al-Bayan*, III, Dar al-Ma‘rifat, Beirut, 1983, halaman 54.

<sup>16</sup> Al-Zamakhshari, *al-Kasyasyaf*, I, Mustafa al-Halabi, Kaherah, 1972, halaman; Al-Naysaburi, *Ghara’ib al-Quran wa Raghayib al-Furqan*, III, Mustafa al-Halabi, Kaherah, 1962, halaman 52; dan Al-Fayruzabadi, *al-Qamus al-Muhit*, Mu’assasah al-Halabi, 1306H, halaman 38.

<sup>17</sup> Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, III, Dar al-Kutub al-‘ilmiyyah, Beirut, 1992, halaman 4; dan Al-Syawkani, *Fath al-Qadir*, I, Mustafa al-Halabi, Mesir, 1924, halaman 270-271.

*keimanannya. KepadaNya mereka menyerah. Mereka terdiri daripada orang yang istiqamah shalatnya dan mengeluarkan zakat rezeki yang Allah s.w.t. kurniakan kepada mereka ”  
Mereka adalah orang yang benar-benar beriman, mereka mendapat pahala berganda-ganda, keampunan dunia dan akhirat dan ditempatkan dalam syurga”.<sup>18</sup>*

Surah al-Tawbah (9) ayat 34, menyatakan bahawa Allah s.w.t. akan menyiksa orang kaya yang tidak membayar zakat emas dan perak (wang) yang menjadi sumber pendapatan mereka.<sup>19</sup> Ini bermakna, walau pun ayat tersebut menggunakan perkataan emas dan perak tetapi ia merangkumi kepada sesuatu pendapatan yang dinilai dengan logam itu.<sup>20</sup> Ibn Abi Syaybah (m. 235H) berpendapat ayat tersebut ditujukan kepada ahli kitab dan kaum muslimin.<sup>21</sup> Tuhan berfirman yang bermaksud;

وَمِنْهُمْ مَّنْ عٰهَدَ اللّٰهَ لَئِنۡ ءَاتٰنَا مِنْ فَضْلِهٖ لَتَصَّدَّقْنَ وَلَٰكِنۡ مِّنۡ  
الصّٰلِحِيۡنَ فَلَمَّا ءَاتَهُمۡ مِنْ فَضْلِهٖ بَخِلُوۡا بِهٖ وَتَوَلَّوۡا وَهُمۡ مُّعْرِضُوۡنَ  
“Dan di antara mereka ada yang membuat janji kepada Allah s.w.t., katanya; “Sesungguhnya jika Allah s.w.t. memberi kepada kami kekayaan tentu kami akan berzakat dan tentulah kami akan menjadi orang salih”. Setelah mereka menjadi kaya, mereka bakhil dengan kekayaannya, mereka munafiq (mungkir janji) sehinggalah menemui Allah s.w.t.”.<sup>22</sup>

Hindari diri daripada bersifat yang ditujukan kepada Tha‘labah b. Hatib dan Mu‘tab b. Qusyr<sup>23</sup> serta petani Madinah yang berjanji akan mengeluarkan zakat jika mereka memperoleh pendapatan yang banyak tetapi mereka mungkir

<sup>18</sup> Lihat, Q: al-Anfal (8) 2-4.

<sup>19</sup> Al-Syafi‘i, al-Risalah op.,cit., halaman 88.

<sup>20</sup> Wang digolongkan sebagai harta semasa (berjangka pendek), ia bersifat sementara serta boleh dituai pada bila-bila masa sahaja seperti simpanan bank, bil, stok dan sekuriti. Siti Rohani Yahya, op.,cit., halaman 210-215.

<sup>21</sup> Ibn Abi Syaybah, op.,cit., halaman 427.

<sup>22</sup> Lihat, Q: al-Tawbah (9): 75-77.

<sup>23</sup> Ibn Hisyam, al-Sirah al-Nabawiyah, IV, Dar al-Tawfiqiyah, Kaherah, 1978, halaman 145.

<sup>24</sup> Al-Tabari, VI, op.,cit., halaman 425; dan Al-Fayruzabadi, op.,cit., halaman 125.

janji dan kedekut setelah menjadi kaya. <sup>24</sup> Allah s.w.t. sentiasa mengingatkan kepada orang yang bakhil bahawa kekayaan mereka itu akan membelenggu tengkuknya di hari akhirat kelak jika tidak dikelurkan zakatnya. Tuhan berfirman;

وَلَا يَحْسِبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَّهُمْ  
بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخِلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ  
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

*“Dan janganlah kamu beranggapan menjadi orang kedekut itu baik baginya, bahkan ia akan membinasakan dirinya. Di hari kiamat kekayaan itu akan dikalungkan dilehir kamu sebagai seekor ular yang besar. Allah s.w.t. Amat Mengetahui Segala Yang kamu kerjakan”.* <sup>25</sup>

## Dalil Daripada Hadis Dan Athar

Teras zakat harta yang dinyatakan di dalam teks-teks Hadis berpaksi kepada dua kalimah, al- *Aghniya*’ (kekayaan) dan juga *al-Amwal* (harta-benda). <sup>26</sup> Kedua-dua kalimah itu berasal daripada kata tunggal mufrad *al-Ghani* dan *al-Mal*. Perkataan kekayaan dan harta-benda yang diutarakan dalam sebutan *nakirah* dan *jamak* <sup>27</sup>, memberi pengertian yang tidak terbatas. Nabi Muhammad s.‘a.w. setelah melantik Mu‘adh b. Jabal (m 18H) menjawat pengurus zakat di negeri Yaman di samping bertanggungjawab mengembangkan dakwah Islamiyyah di sana, baginda menyebutkan perkataan *Aghniya*’ dengan nyata, ini bermaksud, “zakat wajib dikutip daripada pelbagai

<sup>25</sup> Q: Ali ‘Imran (3): 180. Lihat juga al-Nasa’i, V, Dar al-Fikr, Beirut, 1930, halaman 13 dan 39.

<sup>26</sup> Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 164; Ibn Abi Syaybah, II, op.,cit., halaman 353; Al-Syaibani, Kitab al-Itharah, Idarah al-Quran, Pakistan, t.t., halaman, 63; dan Al-Nasa’i, V, op.,cit., halaman 2.

<sup>27</sup> Ibid.

jenis harta-benda yang dimiliki oleh orang-orang kaya dikalangan mereka”.<sup>28</sup> Khalifah ‘Umar b. al-Kattab (m.23H) juga telah memberi arahan kepada pengurus zakatnya, Ziyad b. Hiydir ke ‘Ayn al-Tamr dan Anas b. Malik (m. 93H) ke Basrah supaya mengutip zakat *amwal*.<sup>29</sup> Khalifah ‘Ali b. Abi Talib (m. 40H) semasa menjadi Khalifah juga pernah menggunakan perkataan *Aghniya*’ kepada pengurus zakat sebagai panduan kerja mengutip zakat. Abu Ja‘far Muhammad b. ‘Ali (m. 114H)) pernah mendengar ‘Ali b. Abi Talib berkata, “Allah s.w.t. telah mewajibkan zakat kepada setiap orang kaya yang memiliki harta untuk membantu fakir miskin. Seandainya fakir miskin itu terbiar kelaparan, kesakitan dan tidak berpakaian, beliau membenarkan orang kaya itu dihukum”.<sup>30</sup> Dalam riwayat yang lain Khalifah ‘Ali b. Abi Talib pernah menyebut perkataan *al-Mal* dengan sebutan ma‘rifah-mufrad (kalimah itu merangkumi pelbagai jenis harta) di samping itu beliau menentukan hawl sebagai pra syarat kewajipan berzakat kecuali zakat pertanian.<sup>31</sup> Langkah ‘Ali diikuti oleh Sahabat-sahabat lain dan Tabi‘in.<sup>32</sup> Maymun b. Mihran (m. 125H) berkata, “Apabila sampai masa membayar zakat semua harta ( *Kul Mal* ) yang dimiliki oleh orang kaya. Pendapatan bersih sahaja yang diwajibkan zakat”.<sup>33</sup> Langkah ini dilanjutkan oleh Ta’us (m. 106H), di mana beliau berpendapat bahawa zakat diwajibkan kepada orang kaya yang memperolehi harta-benda daripada pelbagai sumber.<sup>34</sup>

<sup>28</sup> Rasul Allah s.‘a.w. berkata kepada Mu‘adh b. Jabal semasa dilantik menjadi (gabnor) Yaman, “Aku utuskan kamu bertemu dengan ahli kitab, ajaklah mereka mengucap dua kalimah syahadah, kalau mereka menerima ajarkan mereka sembahyang lima kali sehari seMalam, jika mereka sudah bersedia beritahu kepada mereka bahawa Allah s.w.t. mewajibkan zakat ke atas pelbagai harta yang kamu miliki. Jika mereka akur ambillah sebahagian harta mereka dengan cara yang paling hormat. Hindarilah kamu daripada doa orang yang terzalim kerana doa mereka tidak ada sekatan daripada Allah s.w.t.”. Hadis daripada Ibn ‘Umar. Lihat, Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 164.

<sup>29</sup> Ibid., halaman 237.

<sup>30</sup> Ibid., halaman 238.

<sup>31</sup> Zakat tidak diwajibkan ke atas pendapatan baru sehingga harta itu cukup yang dikira daripada mula memeliknya. Lihat Zayd b. ‘Ali, Musnad al-Imam Zayd, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 1984, halaman 171.

<sup>32</sup> Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 237.

<sup>33</sup> Ibid.

<sup>34</sup> Ibid.

Kekayaan boleh diperolehi melalui dua sumber. Pertama melalui sumber tabi'i (semulajadi) seperti hasil ternakan binatang, pengeluaran pertanian dan hasil logam. Pendapatan sumber tersebut diwajibkan zakat.<sup>35</sup> Selain daripada itu kekayaan juga boleh diperolehi bukan melalui sumber tabi'i. Kekayaan boleh dihasilkan melalui kerja-kerja perkhidmatan dan kemahiran intelektual. Sabda Rasul Allah s. 'a.w. bermaksud;

*"Setiap orang Islam diwajibkan zakat". Mereka berkata kepada Rasul Allah: "Wahai Nabi Allah, kalau kami tidak memiliki harta, bagaimana?" Jawab baginda: "Berusahalah kamu dengan sepenuh tenaga bagi menyara diri kemudian bayarlah zakat". Mereka berkata lagi: "Usaha kami tidak berhasil?" Jawab baginda: "Berilah pertolongan kepada orang yang berhajat". Mereka berkata lagi: "Kalau kami tidak berupaya?" Sabda baginda: "Bergiatlah dalam perkara ma'ruf mencegah terjadinya keburukan. Sesungguhnya pekerjaan itu bagi kamu adalah sadaqah (zakat)".*<sup>36</sup>

Pada masa ini, seseorang yang menawarkan perkhidmatan akan mendapat upah. Kepakaran yang mereka curahkan itu akan dinilai dengan wang ringgit. Upah atau hasil pendapatan merupakan harta yang wajib dikenakan zakat. Walau bagaimanapun Hadis di atas pada lahirnya memberi makna yang luas kepada konsep zakat kerana zakat yang dimaksudkan oleh Hadis itu tidak tertumpu kepada keuntungan harta modal semata-mata atau kepada zakat wajib yang telah ditetapkan sahaja bahkan ia merangkumi segala pendapatan perkhidmatan yang dilakukan oleh setiap ahli profesional.<sup>37</sup>

<sup>35</sup> Lihat peraturan zakat binatang ternakan yang digubal oleh Rasul Allah dan Khalifah 'Umar b. al-Khattab yang kemudiannya digunapakai pula di masa pemerintahan Khalifah 'Umar b. 'Abd al-'Aziz. Lihat juga pesanan Rasul Allah kepada Mu'adh yang dilantik menjadi pengurus zakat ke negeri Yaman. Lihat, Abu 'Ubayd, op.,cit., halaman 147 dan 164; Q: al-Baqarah (2): 267; dan Ibid.: al-An'am (6): 34, 35 dan 141.

<sup>36</sup> Al-Bukahri, Sahih, al-Maktabah al-Khiryah, Kaherah, 1320H, halaman 115; dan Al-Nasa'i, op.,cit., halaman 64.

<sup>37</sup> Ibid., halaman 249.

Dalam Hadis lain Abu Dharr al-Ghifari (m. 31H) pernah mengadu kepada Rasul Allah s.a.w.;

*“Bagaimanakah kami hendak mengeluarkan zakat (sadaqah) sedangkan kami tidak berharta?” Sabda baginda: Sadaqah itu banyak cabang, di antaranya adalah mengucap takbir, tasbih, tahmid, istighfar, melakukan amar ma`ruf, membersihkan halangan di jalan, memimpin orang buta, merawat orang bisu dan pekak, menunjukkan jalan orang yang sesat, membantu orang lemah. Semuanya ini adalah di antara cabang-cabang sadaqah, Malah bersama dengan isteri juga dikira sadaqah yang akan mendapat pahala”.* <sup>38</sup>

Seorang juru runding yang membimbing pelanggannya akan menggunakan kepakaran ( *kalimah tayyibah* ) untuk mendapatkan ganjaran. ‘Adi b. Hatim (m. 86H) dan Abu Hurayrah (m. 67H), kedua-duanya mendengar Rasul Allah bersabda: “Jahuilah diri kamu daripada seksaan api neraka walaupun kamu memperoleh se separuh biji tamar dan jika kamu tidak memiliki harta benda bersedekahlah (zakat) dengan kalimah tayyibah. <sup>39</sup> Begitu juga dengan juru binaan, doktor, seniman, pengarang, pegawai keamanan, pensyarah, guru dan lain-lain lagi. Kesemua khidmat mereka akan dibayar gaji, upah, elaun, bonus dan lain-lain lagi. Apakah pendapatan mereka ini tidak diwajibkan zakat? Jikalau kedua-dua Hadis di atas difahami secara tradisional, ia akan hanya diertikan sebagai kerja sosial yang dilakukan secara sukarela ( *tatawwu’* ) atau sebagai satu ibadat sampingan. Penulis ingin menegaskan di sini bahawa perubahan masa boleh membawa kepada perubahan kefahaman terhadap pengertian Hadis tersebut. Penulis ingin menegaskan bahawa perkhidmatan yang dinyatakan dalam Hadis tersebut sekarang boleh diperluaskan kepada kerja-kerja ahli profesional. Perkhidmatan tersebut bukanlah kerja sukarela atas dasar ihsan tetapi telah menjadi bidang pekerjaan untuk mendapatkan upah yang lumayan. Ini bermakna Hadis ini memberikan pengertian yang amat rasional dan praktikal, sesuai dengan perubahan dunia pekerjaan masa kini.

<sup>38</sup> Muslim, Sahih, VII, Dar Ihya’ Turath al-‘Arabi, Beirut, 1984, halaman 91-92.

<sup>39</sup> Abu ‘Ubayd, op., cit., halaman 145; Muslim, op., cit., halaman 95 dan 101; dan Al-Nasa’i, op., cit., halaman 75.

## Dalil Daripada Qiyas

‘Ali b. Abi Talib (m. 40H), ‘Abd Allah b. ‘Abbas (m. 68H), ‘Abd Allah b. ‘Umar (m. 73H), Ibrahim al-Nakha‘i (m. 94H), ‘Umar b. ‘Abd al-‘Aziz (m. 101H), Salim b. ‘Ab Allah (m. 106H), al-Hasan al-Basri (m. 110H), Abu Ja‘far Muhammad b. ‘Ali (m. 114H), al-Zuhri (m. 123H), Malik b. Anas (m. 179H) dan al-Layth (m. 175H) meriwayatkan Hadis/Athar hawl pendapatan al-Mal al-Mustafad, secara tidak langsung mereka menerima konsep zakat al-Mal al-Mustafad. Sabda Rasul Allah yang berkait dengannya ialah: “Tidak diwajibkan zakat harta pendapatan melainkan setelah genap satu tahun (hawl)”.<sup>40</sup>

Teras zakat menurut al-Quran dan Hadis sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini adalah berpaksi kepada “harta” dan “orang kaya” Prinsip dan tujuan mewajibkan zakat kepada harta dan orang kaya ialah supaya sistem zakat dapat mengimbangi pendapatan perkapita dan sistem agihan untuk mewujudkan keadilan ekonomi masyarakat Islam berterusan. Justeru itu jika seorang petani yang mengusahakan padi memperolehi di antara 350-600 gantang bernilai lebih kurang RM400 hingga RM550 sudah diwajibkan zakat pertanian sebanyak 10% atau 5%. Wajarkah seorang pegawai atau seorang ahli profesional yang mendapat gaji, elaun dan ganjaran bernilai sebanyak RM1,000 hingga RM30,000 lebih sebulan tidak diwajibkan zakat? Mereka mestilah membantu golongan yang tidak bernasib baik melalui mekanisme zakat. Nabi bersabda; “Tiga golongan akan dimurkai Allah; orang telah berumah tangga melalukan persetubuhan haram, orang miskin yang pembelit dan orang kaya yang menindas”.<sup>41</sup> Mengikut Abu Darda’ (m. 32H), salah satu tanda seseorang itu benar-benar beriman ialah terdiri daripada orang yang membela nasib orang miskin.<sup>42</sup>

Di antara hikmah zakat ialah untuk membersihkan harta dan pemiliknya. Adakah petani, penternak dan ahli perniagaan sahaja yang berhati kotor? Adakah golongan ini sahaja yang perlu menyucikan diri dan pendapatan mereka? Adakah pendapatan penggajian, pendapatan ahli profesional dan

<sup>40</sup> Lihat Malik b. Anas, al-Muwatta, Kitab al-Sya‘ab, t.t., halaman 178; al-San‘ani, al-Musannaf, Al-Maktab al-Islami, Beirut, 1981, halaman 89; Abi Syaybah, op.,cit., halaman, 386-387; dan Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 167-168.

<sup>41</sup> Lihat, Al-Nasa‘i, op.,cit., halaman 84.

<sup>42</sup> Abu ‘Ubayd, op.cit., halaman 144.

pendapatan pindahan itu tidak perlu disucikan? Mengapakah harta mereka dibezakan dengan harta lain? Mengapakah status kaya juga tidak dipandang sama rata di antara petani dan penternak dengan pegawai tinggi dan ahli profesional? Jabir b. Samrah (m. 70H) dan ‘Abd Allah b. ‘Umar (m.74H) pernah menegaskan bahawa seseorang yang telah menunaikan zakat kekayaan, bermakna mereka telah membersihkan diri dan harta mereka. <sup>43</sup> Al-Sya‘bi (m. 103H) pernah membacakan ayat 177 surah al-Baqarah (2) kepada Abu Hamzah yang baru sahaja menjelaskan bayaran zakat sebagai pesanan untuk menjadi seorang yang bertaqwa dan berkebijikan, <sup>44</sup> ayat itu bermaksud:

*“Kebajikan bukan semata-mata kamu menghadapkan muka ke arah Timur dan Barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang itu kepada Allah, hari kiamat, Malaikat, kitab-kitab, Nabi-nabi, mendermakan harta kesayangannya kepada kaum kerabat, anak yatim, fakir miskin, tergendala perjalanan, peminta sedekah, membebaskan hamba abdi, menunaikan salat dan zakat, menepati janji, tabah dan sabar pada masa kesempitan, kesakitan dan perang. Mereka inilah orang yang benar-benar membuat kebajikan dan bertaqwa”* <sup>45</sup>

Zakat merupakan tanggungjawab dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada setiap orang muslim yang memiliki kekayaan kerana harta itu adalah amanah dan rezeki yang dianugerahkan Allah. Firman Allah itu bermaksud: “Dan berikanlah (melalui sistem zakat) kepada (hamba) segala harta yang dikurniakan Allah kepada kamu”. <sup>46</sup> Allah juga berfirman yang bermaksud: “Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan belanjakanlah di jalan kebajikan sebahagian daripada harta-benda yang kamu miliki”. <sup>47</sup> Allah s.w.t., menjelaskan lagi bahawa seseorang yang telah menunaikan kewajipan zakat harta digolongkan sebagai seorang yang benar-benar muslim dan bersaudara dalam Islam. <sup>48</sup>

<sup>43</sup> Ibn Abi Syaybah, op.,cit., halaman 353; dan Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 147.

<sup>44</sup> Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 147.

<sup>45</sup> Lihat, Q: al-Baqarah (2): 177.

<sup>46</sup> Lihat Q: al-Nur (24): 33.

<sup>47</sup> Lihat Q: al-Hadid (57): 7.

<sup>48</sup> Q: al-Tawbah (9): 5 dan II.



Pada masa nabi harta yang diwajibkan zakat adalah terhadap kepada binatang ternakan, pertanian, emas dan perak sahaja, <sup>49</sup> iaitu barangan yang bernilai komersal dan berdaya maju dipasaran ketika itu. Analisis ilmiah patut diterokai ke atas struktur dan klasifikasi harta yang diwajibkan zakat pada masa Nabi Muhammad s.‘a.w. supaya alasan atau ‘illat kewajipan itu dapat diterapkan ke atas pembangunan ekonomi pada masa ini. Sistem zakat jika diselidik dengan lebih mendalam tidak dapat ditemui satu nas pun yang menghalang atau yang melarang pertumbuhan zakat yang sedia ada kerana struktur zakat yang barlaku pada masa nabi adalah sebagai contoh iktibar ( *amthal* ) bukan sebagai batasan ( *ihsar* ).

### **Prinsip Berdaya Maju (*Al-Nama*)**

Berdasarkan maksud Hadis: “Tidak akan berkurangan sesuatu harta disebabkan kewajipan zakat”. <sup>50</sup> Oleh sebab itu kadar zakat di antara 2.5%-10% tidak membebankan pembayar zakat. Ia tidak akan mengikis kuantiti harta disebabkan bayaran zakat setiap tahun.

Zakat merupakan ‘ibadah *ta‘abbudiyah* serta menjadi mekanisme pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi umah. Secara langsung ia dikaitkan dengan prinsip “dayamaju” ( *al-Nama* ) secara aktif dalam bidang perekonomian. <sup>51</sup> Ia dijadikan satu *‘illat* atau prasyarat dalam sistem zakat. Dengan prinsip ini objek zakat boleh diperluaskan lagi kepada harta lain yang berdayamaju secara semulajadi atau dimajukan dengan secara usaha. Wang atau sesuatu yang sehukum dengannya merupakan harta yang berdayamaju. Ia merupakan alat timbangtara dan piawaian. Justeru itu, tahap kekayaan seseorang akan dinilai dengan perantaraan wang. Mengikut Ibn Rusyd al-Qadi (m. 520H): “Sesuatu kekayaan yang bersandarkan kepada emas dan perak atau sesuatu yang dikaitkan dengan kedua-duanya merupakan modal untuk mencari keuntungan dan bukan digunakan sebagai barang pengguna semata-

<sup>49</sup> Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 147; dan Ibn Hazm, al-Muhalla,VI, al-Munirah, Kaherah, 1349H, halaman 209.

<sup>50</sup> Al-Tirmidhi, Jami‘ al-Tirmidhi, Mustafa al-Halabi, Kaherah, 1975, halaman 562.

<sup>51</sup> Perkataan zakat berasal daripada kata dasar “zaka” yang bermakna maju atau bertambah dengan mendapat keuntungan meterial atau pahala. Lihat Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah, I,op.,cit., halaman 578.

mata. Dengan itu logam dan sesuatu yang sehukum dengannya diwajibkan zakat”.<sup>52</sup> Mazhab Malikiyah dan Mazhab Hanafiyah merupakan kumpulan yang paling terpengaruh dengan syarat berdayamaju bagi mewajibkan sesuatu harta itu dikenakan zakat. Mengikut dua kumpulan ini bahawa sipiutang tidak diwajibkan berzakat kecuali setelah dibayar hutang itu.<sup>53</sup>

Khalifah ‘Umar b. ‘Abd al-‘Aziz (m. 101H) berpendapat harta yang dipinjamkan (hutang tidak terbayar) dikategorikan sebagai harta hilang (*al-Dimar* .)<sup>54</sup> Pendapat ini sesuai dengan Hadis nabi yang mengecualikan zakat ke atas barang-barang kegunaan peribadi, “Lembu yang digunakan untuk menggala atau membajak dan pengangkutan dikecualikan daripada zakat”.<sup>55</sup> Al-Imam ‘Ali (m. 40H), al-Hasan al-Basri (m. 110H), Mujahid (m. 103H), Ibrahim al-Nakha‘i (m. 95H), Musa b. Talhah (m. 103H) dan ‘Umar b. ‘Abd al-‘Aziz (m. 101H), al-Zuhri (m. 123H) dan al-Layth b. Sa‘d (m. 175H) juga mendokong pengertian Hadis tersebut.<sup>56</sup> Golongan Ahl al-Sunnah menjadikan prinsip berdayamaju atau berkembang sesuatu harta itu sebagai prasyarat kewajipan zakat.<sup>57</sup> Oleh itu, sekarang ini wajar bagi para pengkaji dan pelaksana sistem zakat untuk menggunakan *‘illat* (sebab) *al-nama’* . Sungguh menghairankan jika pendapatan ahli profesional, pegawai awam dan swasta atau anugerah yang bernilai berjuta-juta ringgit dikecualikan daripada zakat, sedangkan mereka mengaut keuntungan dan kekayaan yang besar.

Dasar hawl dalam sistem zakat memberi peluang kepada pemilik harta mengembangkan hartanya di sepanjang tempoh itu supaya mendapat keuntungan. Dengan langkah itu harta asal (modal) tidak hanya dijadikan barang pengguna atau untuk membayar zakat yang akan susut sedikit demi sedikit. Ada pun harta-benda lain yang belum dikenakan zakat adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab fuqaha kini membuat kajian semula serta

<sup>52</sup> Ibn Rusyd, *al-Muqaddimat*, al-Sa‘adah, Mesir, 1325H, halaman 201.

<sup>53</sup> Malik b. Anas, op.,cit., halaman 172-173; Ibn Hazm, op.,cit., halaman 101; dan Al-Dardir, al-Sarh al-Kabir, I, al-Matba‘ah Zahran, Kaherah, t.t., halaman 145.

<sup>54</sup> Malik b. Anas, op.,cit., halaman 172; dan Al-Syaibani, op.,cit., halaman 62.

<sup>55</sup> Abu Yusuf, al-Kharaj, Dar al-Ma‘rifah, Beirut, t.t., halaman 77; Ahmad b. Hanbal, II, op.,cit., halaman 11; Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 155-156; Al-Syaybani, op.,cit., halaman 62; dan Al-Nasa‘i, op.,cit., halaman 35.

<sup>56</sup> Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 156.

<sup>57</sup> Al-Sarakhsi, al-Mabsut, II, al-Sa‘adah 1324H, halaman 149-150; Al-Mawardi, op.,cit., halaman 113; dan Al-Kasani, op.,cit., halaman 828.

menerokai bidang-bidang baru dalam sistem zakat. Moga-moga pendekatan ini menjadi nadi bagi menghidupkan kembali sunnah Rasul Allah s.‘a.w. Sabda nabi bermaksud;

*“Barangsiapa yang menerokai sunnah hasanah (amalan kebaikan) pahalanya adalah serupa dengan orang yang mengerjakannya tanpa berkurang sedikit pun. Begitu juga sesiapa yang mempelopori sunnah say’iah (amalan kejahatan) dia akan mendapat dosa seperti pengamalannya tanpa dikurangi sedikit pun.”* <sup>58</sup>

Sehubungan dengan itu, ITM sebuah pusat pengajian tinggi yang termaju di Malaysia, ramai kakitangannya yang bergaji besar dan berpendapatan tinggi. Malah di sektor lain ada yang beruruniaga dengan ITM seperti kontraktor-kontraktor yang berjaya dalam tender dan sebut harga, penggerai makanan/barangan, tabung amanah dan lain-lain. Dengan itu usaha yang sedang dilakukan oleh MAIS/Baitulmal dan Pusat Pungutan Zakat ITM yang mewajibkan zakat al-Mal al-Mustafad kepada seluruh kakitangan dan orang atau badan perniagaan muslim wajar dipuji dan dihargai. Seluruh pegawai ITM tidak boleh mengelakkan diri daripada tanggungjawab membayar zakat al-Mal al-Mustafad kerana al-Mawardi dan Majlis Fatwa Negeri Selangor menegaskan bahawa zakat al-Mal al-Mustafad adalah diwajibkan berdasarkan ayat 267 surah al-Baqarah. <sup>59</sup> Beringatlah pesanan nabi yang bermaksud; “Mereka itu adalah golongan yang akan mendapat kerugian, walaupun mereka terdiri daripada orang kaya disebabkan mereka tidak mengeluarkan zakat kekayaannya. <sup>60</sup>

---

<sup>58</sup> Lihat Abu Yusuf, op.,cit., halaman 76; Ibn Abi Syaybah, op.,cit., halaman 350; Muslim, op.,cit., halaman 104; dan Al-Nasa’i, op.,cit., halaman 76-77.

<sup>59</sup> Al-Mawardi, al-Nukat wa al-‘Uyun Tafsir al-Mawardi, I, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, t.t., halaman 142; dan al-Samarqandi, Tafsir al-Samarqandi al-Musamma Bihar al-‘Ulum, I, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 1993, halaman 231. Keputusan Fatwa Selangor pada 12hb. Febuari 1998.

<sup>60</sup> Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 146.

## ASAS-ASAS PERAKAUNAN ZAKAT AL-MAL AL-MUSTAFAD

### Konsep Nisab

Nisab diterima sebagai syarat pengiraan zakat harta kecuali zakat pertanian mengikut pendapat ‘Abd Allah b. ‘Abbas (m. 68H), ‘Umar ‘Abd al-‘Aziz (m. 101H) dan al-Imam Abu Hanafiyah (m. 150H).<sup>61</sup> Al-Quran tidak menyatakan secara khusus mengenai persoalan nisab. Dasar itu diwujudkan bertujuan untuk membezakan seseorang itu tergolong orang kaya.<sup>62</sup> atau orang miskin.<sup>63</sup> Orang kaya diwajibkan zakat, manakala orang miskin berhak menerima agihannya.<sup>64</sup> Nisab yang disyaratkan kepada harta zakat boleh dipadankan dengan konsep tabungan atau simpanan ( *al-Wadi‘ah* ) dalam sistem ekonomi. Di mana seorang pemilik harta itu menahan diri daripada menggunakan semua pendapatan pada masa sekarang untuk meningkatkan tabungan atau simpanan pada masa hadapan. Terdapat tiga sistem tabungan iaitu tabungan bersih, tabungan cadangan dan tabungan negatif. Tabungan

<sup>61</sup> Abu Yusuf, op.,cit., halaman 52; dan Al-Syaybani,op.,cit, halaman 157 dan 160.

<sup>62</sup> Mengikut istilah al-Quran, perkataan kaya dinyatakan sebagai “al-‘Afw” (al-Baqarah (2): 219; dan al-A`raf (7): 199. Al-‘Afw, dalam bahasa Arab diertikan sebagai “al-Ziyadah” (pendapatan bersih). Ini bermakna sesuatu pendapatan yang dapat menampung kehidupan fizikal dan spiritual diri sendiri dan tanggungan serta mempunyai kelebihan pendapatan dianggap sebagai orang kaya. Lihat Al-Fayruzabadi, op.,cit., halaman 366; dan Muhammad Rasyid Reda, al-Manar, II, Dar al-Ma`rifah, Beirut, t.,t., halaman 337.

<sup>63</sup> Terdapat dua bentuk kemiskinan; kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak, ialah suatu keadaan individu atau sesebuah keluarga tidak mempunyai cukup wang untuk membeli barang-barang keperluan walaupun pada kadar yang paling minimum. Ini seperti keperluan makanan, perlindungan dan pakaian. Di Malaysia kemiskinan mutlak diukur berdasarkan pendapatan purata RM310.00 sebulan. manakala kemiskinan relatif pula, disukat dalam sebutan ketidak-seimbangan agihan pendapatan. Bermakna kemiskinan tetap wujud, walaupun sesebuah negara itu makmur. Seseorang itu tetap dianggap miskin secara relatif daripada orang lain yang mempunyai pendapatan yang berbeza. Kemiskinan mutlak adalah maksud dalam kajian ini. Lihat Siti Rohani Yusuf, op., cit., halaman 98.

<sup>64</sup> Kemiskinan bererti seseorang yang tidak memiliki atau berdaya memproduksi hasil sejumlah minimum atau tidak memiliki 25% daripada nilai minimum emas dan perak atau seseorang yang berkemampuan menyediakan makan dan minum untuk sehari semalam sahaja (kais pagi makan pagi, kais petang makan petang). Lihat Sahri, *Pengembangan Zakat dan Infaq Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat* , Yayasan Pusat Studi Avicena, Malang, 1982, halaman 26.

bersih bermakna perbelanjaan lebih rendah daripada pendapatan sebenar. Tabungan cadangan pula ialah jumlah tabungan yang ingin dicapai oleh seseorang. Tabungan ini boleh jadi berjaya atau tidak. Manakala tabungan negatif pula ialah perbelanjaan melebihi pendapatan sebenar. Dengan konsep ini pentaksiran zakat mudah dilaksanakan serta dapat menyekat individu yang mengelak daripada membayar zakat dengan alasan tidak cukup nisab. Pemilik harta tidak semestinya benar-benar memiliki harta tunai pada akhir tahun (hawl). Tuhan berfirman yang bermaksud;

*“Dan juga mereka membelanjakan harta-bendanya tidaklah melampui batas dan tidak pula bakhil kedekut. Sebaliknya perbelanjaan mereka adalah benar-benar sederhana di antara boros dan bakhil”.* <sup>65</sup>

Satu pertanyaan yang sentiasa timbul dan memerlukan jawapan yang mantap ialah mengenai persoalan nisab zakat al-Mal al-Mustafad. Adakah ia dikira berdasarkan hasil pertanian, atau berdasarkan emas dan perak atau harta karun? Adakah ia ditaksir daripada pendapatan kasar atau pendapatan bersih? Bagi mengetahui persoalan yang rumit ini, terdapat sedikit panduan umum daripada al-Qūran dan Hadis. Dalam surah al-Baqarah (2): 219 yang bermaksud;

*“Dan mereka bertanya kepada Muhammad s. `a.w. mengenai zakat yang akan mereka keluarkan? Katakan kepada mereka; “keluarkan daripada apa-apa yang berlebih daripada keperluan kamu. Demikian keterangan Allah supaya kamu berfikir”.*

Dalam surah al-Baqarah (2): 21 dan surah al-A‘raf (7): 199; Allah berfirman yang bermaksud; “Ambillah apa yang berlebih dan suruhlah pada perkara yang baik”, surah al-Talaq (65): 7; “Hendaklah orang yang mampu, mengelaurkan zakat harta sebahagian daripada kemampuannya”. Manakala

---

<sup>65</sup> Lihat Q: al-Furqan (25): 67.

dalil dari Hadis pula terdapat sebuah Hadis yang bermaksud; “zakat diwajibkan kepada orang kaya”.<sup>66</sup> Selain daripada dua sumber tersebut, terdapat perintah ‘Umar b. al-Khattab, di mana beliau memungut zakat daripada pendapatan bersih.<sup>67</sup> Sekurang-kurangnya terdapat tiga pendekatan bagi menentukan nisab zakat al-Mal al-Mustafad:

1. Pendapatan penggajinya disatukan dengan emas atau perak (20 dinar atau 200 dirham) kerana lazimnya gaji yang diterima oleh pekerja setiap bulan atau minggu dinilai dengan wang.
2. Hasil pendapatan ahli profesional pula tertakluk kepada hasil pertanian sebanyak lima *awsuq* kerana pendapatan mereka dipadankan dengan pendapatan musiman yang dihasilkan oleh petani.
3. Pendapatan imbuhan seperti bonus, hadiah, keraian dan sesuatu yang dikaitkan dengan pendapatan pindahan pula berdasarkan kepada harta *rikaz*, tanpa nisab.

Penentuan nisab zakat pendapatan penggajian, pendapatan ahli profesional dan pendapatan pindahan (al-Mal al-Mustafad) boleh disatukan jika diterima konsep “penyeragaman kadar nisab”. Secara praktiknya, kenyataan di atas telah digunakan ke dalam zakat perniagaan yang diqiyaskan kepada zakat emas dan perak. Mengikut pendapat Abu ‘Ubayd (m. 224H), sesiapa sahaja yang memiliki kekayaan menyamai dengan 200 dirham, 20 dinar, 5 ekor unta, 30 ekor lembu atau 40 ekor kambing dari awal hingga akhir tahun mereka diwajibkan zakat.<sup>68</sup> Ini bermakna, nilai zakat emas dan perak, binatang ternakan dan hasil pertanian adalah sama, walau pun kuantitinya berbeza. Semasa Khalifah ‘Umar b. al-Khattab (m. 23H) memerintah, beliau pernah

---

<sup>66</sup> Al-Nasa‘i, Sunan, V, Mustafa al-Halabi, Mesir, 1964, halaman 46; Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Dar al-Nafa‘is, Beirut, 1985, halaman 167; Muslim, Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi, VII, Dar al-Fikr, Beirut, 1975, halaman 125; dan Al-Tirmidhi, III, Maktabah al-Ma‘arif, Beirut, t. t., halaman 148.

<sup>67</sup> Al-Tabari, V, op.,cit., halaman 226; Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 226; dan Al-Fayruzabadi, op.,cit., halaman 24.

<sup>68</sup> Abu ‘Ubayd, op.,cit., halaman 166-167.

menurunkan harga barangan disebabkan musim kemarau, keadaan ekonomi ketika itu tidak cergas. Harga 100 ekor kambing ketika itu tidak mencapai 200 dirham atau 20 dinar, pemiliknya tidak diwajibkan.<sup>69</sup> Nilai kekayaan seseorang itu dilihat berdasarkan harga pasaran sebenar, bukan berdasarkan kepada kuantiti/zat harta. Al-Imam al-Syafi'i (m. 204H) sependapat dengan teori di atas, katanya: "Apabila seseorang membeli sesuatu barangan bernilai 20 dinar, kemudian di akhir tahun (hawl) barang itu dijual dengan harga kurang daripada 20 dinar, maka hasil perniagaan orang itu tidak diwajibkan zakat kerana harga pasaran sebenar ketika itu telah susut daripada harga modal yang mencapai nisab."<sup>70</sup> Pendapat ini mendapat dokongan padu daripada kumpulan ulama mazhab Hanabilah.<sup>71</sup> Oleh itu nilai nisab zakat harta adalah sama di pasaran terbuka. Pendapat di atas ada kebenarannya, jika dilihat daripada konsep ilmu ekonomi kerana kadar minimum nisab yang dipraktik sekarang memperlihatkan jurang perbezaan pendapatan yang tidak setara. Lihat Jadual berikut;

**NILAI NISAB TAK SETARA**

Jenis	Nisab	Nilai RM
lembu	30 ekor	30,000
kambing	40 ekor	8,000
unta	5 ekor	5,000
emas	20 mithqal	2,400
padi	400 gantang	800
perak	200 dirham	2,400
perniagaan	20 mith	2,400
wang simpanan	20 mithqal	2,400

Nisab emas 20 dinar dan nisab perak 200 dirham layak dijadikan ukuran standard kepada seluruh komoditi harta zakat kerana kemantapan dan kemudahcairannya di pasaran antarabangsa dan tempatan. Oleh itu, nisab logam emas dan perak itu juga sesuai diserapkan bagi pelaksanaan zakat

<sup>69</sup> Ibid, halaman, 236.

<sup>70</sup> Al-Syafi'i, al-Um, op.,cit., halaman 40-41.

<sup>71</sup> Ibn Qudamah, al-Mughni, II, Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut, 1972, halaman 623.

al-Mal al-Mustafad sebagaimana nisab zakat perniagaan yang ditaksir berdasarkan nilai emas/perak dan bukan ditaksir berdasarkan kuantiti barangan.

### **Nisab Dikira Daripada Pendapatan Bersih**

Berlandaskan nas al-Quran dan al-Hadis, zakat diwajibkan kepada mereka yang memiliki pendapatan sebenar atau tabungan bersih ( *al-'Afw* ) atau *al-Fadl*.<sup>72</sup> Pendapatan yang dibelanjakan bagi saraan diri, ahli tanggungan, pembayaran hutang, keperluan asasi yang lain dikira sebagai harta pengguna, dengan itu tidak diwajibkan zakat. 'Uthman b. 'Affan (m. 35H), Ta'us (m. 106H), 'Ikrimah (m. 107H), al-Thawri (m. 150H), Ibn Jurayj (m. 150H) dan al-'Ayni (m. 855H) berpendapat, "Seseorang yang mengeluarkan zakat sedangkan harta itu diperlukan bagi menanggung keluarga dan hutang, maka hutang hendaklah didahulukan, iaitu mendahulukan yang wajib."<sup>73</sup> Sebenarnya pendapat tersebut selaras dengan pendapat Sahabat dan Tabi'in yang mengatakan bahawa, zakat diwajibkan ke atas pendapatan bersih atau tabungan bersih sahaja.<sup>74</sup> Berikut contoh ringkas pengiraan zakat penggajian.

---

<sup>72</sup> Q: al-Baqarah (2): 219; al-Tawbah (9): 75-76; al-A'raf (7): 199; dan al-Talaq (65): 7. Lihat al-San'ani, op.,cit., halaman 93; Al-Bukhari, op.,cit., halaman 167; Muslim, op.,cit., halaman 125; Al-Nasa'i, op.,cit., halaman 62; dan Al-Tirmidhi, op.,cit., halaman 148.

<sup>73</sup> Al-San'ani, op.,cit., halaman 93-94; Al-'Ayni, 'Umdat al-Qari' Sarh Sahih al-Bukhari VII, Mustafa al-Babi al-Halabi, Kaherah, 1972, halaman 229-230.

<sup>74</sup> Abu 'Ubayd, op.,cit., halaman 177-178.



**JADUAL A  
JADUAL PENDAPATAN BERSIH  
YANG CUKUP NISAB**

	<b>RM</b>
A. PENDAPATAN	180,000
 B. PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN	
1. Diri	6,000
2. Isteri	3,000
3. Anak 5 orang (RM800 X 5 orang)	4,000
4. Nafkah Ibu Bapa	3,000
5. Adik beradik	6,000
6. Hutang	<u>120,000</u>
	142,000
 7. Lain-lain	
 C. PENDAPATAN BERSIH	38,000

**JADUAL B  
PENDAPATAN BERSIH  
YANG KURANG NISAB**

	<b>RM</b>
A. PENDAPATAN SATU TAHUN	12,000
 B. PERBELANJAAN SATU TAHUN	
1. Diri	4,000
2. Isteri	3,000
3. Anak 2 orang (RM800 X 2 orang)	1,600
4. Caruman Institusi Yang Membayar Zakat	600
5. Nafkah Ibu Bapa	600
6. Hutang	<u>1,200</u>
	11,000
 C. PENDAPATAN BERSIH	1,000

**JADUAL C  
PENDAPATAN BERSIH  
MELEBIHI KEPERLUAN ASAS**

	RM
A. PENDAPATAN SATU TAHUN	7,000
 B. PERBELANJAAN ASAS SATU TAHUN	
1. Diri	4,000
2. Isteri	3,000
3. Anak	-
4. Ibu Bapa	-
5. Hutang	600
	7,600
 C: PENDAPATAN BERSIH (TERHUTANG)	-
	RM0.600

Pada Jadual A pendapatan bersih sebanyak RM38,000 telah melebihi minimum nisab (RM3,000), maka pendapatan tersebut diwajibkan zakat. Jadua B pendapatan bersih RM1,000 kurang daripada minimum nisab, pendapatan itu tidak diwajibkan zakat. Jadual C pula pendapatan bersih melebihi perbelanjaan asas, beliau menanggung beban hutang. Dalam sistem zakat, beliau berhak dipertimbangkan mendapat agihan zakat.

**Konsep Hawl Dan Kadar Zakat Al-Mal Al-Mustafad**

Adakah nisab yang dikira daripada pendapatan bersih dan dimiliki oleh individu atau firma muslim wajib dikelurkan zakat apabila cukup hawl?. Ada beberapa persoalan berhubung dengan hawl ini. Antaranya ialah adakah mesti harta berkenaan tersimpan genap satu tahun Qamariyyah? Atau, adakah ia tidak mesti tertabung dalam tempoh itu? Tempoh simpanan atau tabungan, mengikut istilah hukum Islam dinamakan “hawl”. Hawl, merupakan satu tempoh dua belas bulan Qamariyyah. Dengan kata lain, hawl menjadi syarat dan penyelaras dalam sistem zakat. Bagaimana pula hawl zakat al-Mal al-

Mustafad? Persoalan ini merupakan satu masalah yang paling rumit kerana terdapat di dalamnya dua pendapat yang tidak sealiran. Malah yang lebih rumit lagi percanggahan pendapat itu bermula semenjak zaman Sahabat dan berlarutan sehingga ke zaman Tabi`in. Akhirnya, ia menjadi suatu perdebatan yang hangat dikalangan ahli fiqh mutakhir. Hawl disyaratkan terhadap zakat modal kerana dalam tempoh itu harta tersebut telah mencapai tempoh matang dengan memperolehi pulangan dan keuntungan. Binatang ternakan berupaya mengeluarkan susu dan pembiakkan anak, manakala perniagaan atau perdagangan dan kewangan pula dapat menghasilkan laba. Oleh itu, hawl memberikan peluang kepada pembayar zakat mengembangkan hartanya terlebih dahulu. Dengan berkembang harta itu, apabila dikenakan “kadar zakat” ia tidak akan mengurangkan kuantiti harta yang boleh membebankan kepada pembayar zakat. Berlainan pula dengan hasil pertanian, biji-bijian dan buah-buahan, hasil tersebut dianggap telah berkembang sendiri (tabi`i), iaitu pada masa mengetam (mengutip hasil). Oleh sebab itu, zakat pertanian diwajibkan sekali sahaja dan tidak diwajibkan zakat berulang kali disebabkan berulang tahun.<sup>75</sup>

Ada dua pendapat mengenai syarat hawl ke atas zakat al-Mal al-Mustafad. Pertama, Abu Bakr al-Siddiq (m. 13H), ‘Ali b. Abi Talib (m. 40H), ‘Abd Allah b. ‘Umar (m. 73H), ‘A’isyah (m. 58H), al-Qasim b. Muhammad (m. 108H), Nafi‘ (m. 117H) dan ‘Ata’ (m. 114H) meriwayatkan Hadis dan Athar yang mewajibkan syarat hawl kepada semua harta zakat termasuk zakat al-Mal al-Mustafad.<sup>76</sup> Contohnya, apabila X memperolehi pendapatan gaji bersih bulan Safar atau Mei sebanyak RM4,000, nilai RM4,000 (nisab) tersebut mestilah tidak berkurangan sehingga akhir bulan Muharram atau April tahun depannya.

Pendapat kedua, diutarakan pula oleh ‘Abd Allah b. ‘Abbas (m. 67H), ‘Abd Allah b. Mas‘ud (m. 32H), Mu‘awiyah b. Abi Sufyan (m. 60H) dan ‘Umar b. ‘Abd al-‘Aziz (m. 101H) yang meriwayatkan Athar yang tidak menjadikan

---

<sup>75</sup> Ibid.

<sup>76</sup> Malik b. Anas. op., cit., halaman 167-168; Al-San‘ani, op., cit., halaman 75-78; Ibn Abi Syaybah, op., cit., halaman 386-387; dan Abu ‘Ubayd, op., cit., halaman 167-168.

<sup>77</sup> Al-San‘ani, op., cit., halaman 79-80; Ibn Abi Syaybah, op., cit., halaman 386; dan Abu ‘Ubayd., op., cit., halaman 187.

hawl sebagai syarat kepada zakat al-Mal al-Mustafad. <sup>77</sup> Contohnya, apabila Y memperoleh gaji bersih bulan Safar atau Mei sebanyak RM4,000, maka pada hari itu juga Y wajib membayar zakat tanpa menunggu sehingga ke hujung bulan bulan yang ke dua belas iaitu akhir hawl. Juga bulan-bulan seterusnya apabila Y mendapat gaji bersih tidak kurang daripada minimum nisab. Pendapat yang paling berpengaruh dan utama di antara fuqaha' adalah pendapat yang mendokong bahawa hawl menjadi syarat utama kepada semua sistem zakat. Mereka bersandarkan kepada Hadis/Athar 'Ali, 'Abd Allah b. 'Umar, Anas dan 'A'isyah dan amalan yang dipraktikkan oleh Khalifah Abu Bakr dan 'Uthman b. 'Affan. Sebaliknya setelah kajian semula Athar Sahabat dan amalan Khalifah yang menjadi sandaran di atas adalah Hadis/Athar daif. Pendapat ini disokong oleh al-Hasan al-Basri (m. 110H), al-Zuhri (m. 124H), Makhul (m. 112H), al-Awza'i (m. 157H) dan ahl al-Bayt seperti al-Baqir (m. 118H) dan al-Sadiq (m. 148H) serta golongan mazhab Da'ud al-Zahiri. <sup>78</sup>

Berdasarkan kepada pendapat di atas (mensyaratkan hawl/tidak mensyarat hawl) maka zakat pendapatan al-Mal al-Mustafad boleh ditunaikan secara langsung dan harus ditunaikan tertanggung sehingga akhir tahun hawl. Contohnya, seorang pembayar zakat pada bulan Januari menerima gaji bernilai RM5,000, pada bulan Mac tahun yang sama beliau mendapat gaji sebanyak RM5,000 dan pada bulan Disember tahun itu juga ia mendapat gaji, bonus dan dan lain-lain imbuhan sebanyak RM10,000. Semua pendapatan di atas wajib ditaksir bersama, iaitu semuanya berjumlah RM20,000. Atau ia boleh membayar zakatnya tiap-tiap bulan gajian. Mengikut Abu Hanifah (m. 150H), pendapatan baru yang diperolehi oleh seseorang pembayar zakat tidak dibezakan, samada pendapatan itu bersumberkan daripada sumber pemberian, pembelian atau keuntungan, wajib ditaksir. <sup>79</sup>

## **Kadar (Tarif) Zakat Al-Mal Al-Mustafad**

Secara khusus tidak ternyata dalil daripada al-Quran, al-Hadis dan Athar yang mengaitkan kadar zakat al-Mal al-Mustafad, kecuali kadar zakat ke atas hasil pertanian, emas, perak dan binatang ternakan. Namun secara tradisi tarif atau kadar zakat yang wujud dapat ditentukan melalui dua teori;

---

<sup>78</sup> Abu 'Ubayd, op., cit., halaman, 166.

<sup>79</sup> Ibn Hazm, VI, op., cit., halaman 84.

1. Berdasarkan kepada kos pengeluaran, sama ada mahal (tinggi) atau murah (ringan). Oleh sebab itu, hasil pertanian yang diusahakan secara tradisional dengan menggunakan sumber alam yang asli seperti hujan semata-mata dikenakan kadar 10%. Manakala hasil pengeluaran yang menggunakan tenaga yang berat atau berteknologi atau kos yang mahal dikenakan kadar zakat sebanyak 5%. Kadar zakat perniagaan dan kewangan juga dikenakan kadar yang rendah, iaitu 2.5% kerana kos pengurusan dan penyelenggaraannya adalah tinggi dan berisiko. <sup>80</sup>
2. Berdasarkan kepada cara taksiran sama ada modal dan pengeluaran ia ditaksir sama atau terasing. Contohnya, zakat perniagaan, modal dan keuntungan semuanya ditaksir bersama, maka kadar zakatnya diringkaskan menjadi 2.5% sahaja. Kadar zakat pertanian pula tinggi, iaitu 5%-10% kerana modal (tanah) tidak ditaksir, penaksiran hanya ke atas hasil pengeluaran sahaja. <sup>81</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, apakah kadar yang layak dikenakan kepada pendapatan al-Mal al-Mustafad. Muhammad Abu Zahrah memberikan kadar zakat al-Mal al-Mustafad, iaitu pendapatan yang dihasilkan melalui usaha akal dan tenaga fizikal seperti pegawai awam dan swasta atau pendapatan ahli profesional seperti ahli perubatan, peguam dan lain yang setaraf dengannya, diwajibkan zakat atas kadar 2.5%, berdasarkan zakat wang dan gaji yang dipraktikkan oleh ‘Abd Allah b. Mas‘ud (m. 32H), Mu‘awiyah (m. 60H) dan ‘Umar ‘Abd al-‘Aziz (m. 101H), <sup>82</sup> tetapi mengikut Yusuf al-Qardawi, kadar zakat penggajian lebih logik dibandingkan dengan kadar zakat pertanian. <sup>83</sup>

Bagaimana pula dengan kadar zakat pemberian pindahan seperti pencen, bonus, hadiah, dan lain-lain lagi? Oleh kerana pendapatan terakhir ini diperolehi tanpa melalui modal dan kerja yang berat, maka ia diwajibkan zakat di atas kadar 10%-20% berdasarkan hasil pertanian secara primitif dan hasil harta karun. Adakah kadar zakat pendapatan yang dinyatakan di atas itu adil? Gaji

---

<sup>80</sup> Husayn Husayn al-Syahatah, op.,cit., halaman 259.

<sup>81</sup> Ibid.

<sup>82</sup> Ibid., halaman 520.

<sup>83</sup> Ibid.

dizakatkan 5% kerana tiada rasiko modal. Pendapatan ahli profesional dizakatkan 5% kerana modal tidak ditaksir bersama. Pendapatan pindahan dizakatkan pula 20% kerana ia tidak menghadapi apa-apa rasiko. Apakah faktor yang benar-benar dapat menentukan tarif (kadar) zakat? Apakah tarif yang dipraktikkan pada masa Nabi, di antara 2.5%-10% itu mengikat kepada tradisi zakat sekarang? Apakah Hadis kadar zakat itu sebagai satu peraturan (sunnah) atau hanya garis panduan sahaja? Apakah tarif 2.5%-10% merupakan satu kadar yang sesuai dengan pembangunan sosio-ekonomi ketika masyarakat pengguna mengamalkan hidup yang paling sederhana? Adakah kadar zakat berkemungkinan besar melambangkan suatu tingkat perkembangan pengeluaran perekonomian sebuah negara dan masyarakat. Ada tiga petunjuk tarif zakat al-Mal al-Mustafad iaitu;

1. Tarif kewangan (emas dan perak) 2.5%.
2. Tarif hasil pertanian 5%-10%.
3. Tarif hasil harta karun 20%.

Penulis mencadangkan bahawa tarif zakat penggajian dan pendapatan ahli profesional ditetapkan sebanyak 2.5% berdasarkan kadar zakat emas dan perak kerana lazimnya kakitangan awam dan swasta menerima gaji wang tunai dalam bentuk wang ringgit disamping beban risiko dan tanggungjawab yang tinggi terhadap kerjaya mereka. Satu lagi pendapatan yang diistilahkan sebagai pendapatan pindahan seperti pendapatan pencen, hadiah, pusaka, wasiat, hibah dan lain-lain lagi. Oleh kerana pendapatan terakhir ini diperolehi secara percuma, tanpa kos dan modal, maka tarif zakatnya dipadankan dengan kadar zakat harta pertanian sebanyak 5-10%. Tarif yang dikuatkuasakan di Intstitusi Zakat Malaysia ke atas pendapatan penggajian, pendapatan ahli profesional dan pendapatan pindahan (al-Mal al-Mustafad) ialah sebanyak 2.5% berdasarkan kombinasi kepada faktor angkubah pekerjaan dan risiko.

## **PENUTUP DAN RUMUSAN**

1. Mengikis fahaman bahawa zakat hanya ke atas zakat fitrah dan padi.
2. Kewajipan zakat al-Mal al-Mustafad berlandaskan kepada dalil al-Quran, Hadis, Athar dan ijtihad.
3. Setiap orang Islam wajib bersyukur terhadap rezeki yang diterima. Kesyukuran boleh disalurkan melalui sistem zakat, sedekah, wakaf dan kesabaran.
4. Bersepadu mengiltizamkan berzakat kepada seluruh warga ITM yang berkemampuan dengan menggunakan pendekatan yang menyakinkan dan berhikmah.
5. PPZITM wajar menjalankan kajian soalselidik dari masa ke semasa bagi mempelbajikan/mengemaskinikan sumber kutipan dan agihan zakat supaya tidak ada pembayar dan penerimanya yang terabai.
6. Potongan zakat hendaklah disesuaikan/diselaraskan sertamerta dengan skim potongan cukai berjadual oleh LHDN.
7. Mana-mana orang atau badan yang ada hubungan perniagaan dengan ITM digalakkan membayar zakat kepada PPZITM.

*Seminar Kebangsaan  
Peranan Zakat Dalam  
Institusi Pendidikan*

**KERTAS KERJA 2**


**KEPERLUAN PENGUBALAN  
ENAKMEN ZAKAT**

Oleh:

**Dr. Zainudin Jaffar**


**Pengarah Eksekutif**

**Kolej Islam Darul Ehsan, Selangor**



*Anjuran Bersama*

**ITM & PZS**





# KEPERLUAN PENGGUBALAN ENAKMEN ZAKAT

Oleh:  
Dr. Zainudin Jaffar

Kedudukan zakat dalam skema kehidupan Muslim adalah sesuatu yang telah putus dan sepatutnya difahami dengan mantap atas dasar keimanan seseorang. Catatan sejarah juga memperlihatkan betapa seriusnya soal zakat ini ditanggapi oleh para pimpinan Islam, terpancar dari tindakan tegas dan berani Saidina Abu Bakar al-Siddīq (RA) yang telah memerangi penentang isu zakat. Itu beliau lakukan untuk mempertahankan ketuanan Islam dan mempertahankan perkara pokok dan dasar Islam dari diperkecilkan di samping menyedari bahawa kekuatan sosio-ekonomi umat banyak bergantung kepada kukuhnya penunaian serta pengagihan zakat kepada para penerima layak.<sup>3</sup>

Apa yang jelas bahawa isu zakat adalah isu ugama. Bila disebut sedemikian, yang tergambar kepada kita ialah bahawa zakat adalah sesuatu yang telah diperundang-kan di dalam al-Qurʾān dan sunnah Nabi Muḥammad SAW dan telah diperpanjang-kan perbahasannya oleh golongan terkemudian dari kalangan sahabat, tābiʿīn, tābiʿ tābiʿīn dan para ʿulamāʾ sepanjang zaman dalam karya-karya *fiqh*, koleksi *fatāwa*

<sup>1</sup> Disampaikan dalam **Persidangan Pemantapan Institusi Zakat** bertempat di Hotel Radisson Shah Alam pada 19 Jun 1997 bersamaan dengan 13 Şafar 1418.

<sup>2</sup> B.Sharīʿah (Hons)(Malaya), LLM (King's College London), PhD (Edinburgh) - Penolong Profesor di Kulliyah Undang-Undang UIAM dan Pengarah Eksekutif Kolej Islam Darul Ehsan Selangor.

<sup>3</sup> Penulis terkemuka M.Umar Chapra menamakan zakat sebagai sebagai "social self-help programme" yang telah dimasukkan ke dalam ajaran Islam sebagai satu mekanisme bagi seseorang menyumbang kepada tanggung jawab sosial (social obligations) kepada masyarakat Islam. Lihat buku beliau *Islam and the Economic Challenge*, Leicester : 1992, ms.270-271.

dan seumpamanya. Soalnya sekarang, apakah boleh hukum seperti ini dikanunkan? Isu menggubal undang-undang shara' dalam format kanun adalah merupakan fenomena baru dalam sejarah perundangan Islam. Walau terdapat pro dan kontra mengenainya, keperluannya tetap tidak dapat disangkal. Salah satu ciri ketara perkembangan undang-undang Islam di zaman terkemudian adalah kodifikasi undang-undang Islam itu sendiri. Walaupun sandaran telah dibuat oleh sarjana undang-undang Islam kepada kes pengumpulan al-Qur'an di zaman Saidina 'Uthman, kompilasi hukum Ibn al-Muqaffa' dan koleksi fatwa Aurangzeb - kesemuanya itu hanya dianggap sebagai "kecenderungan" ke arah kodifikasi bukan kodifikasi sepenuhnya. Penggubalan *Majallat al-Ahkām al-'Adliyyah* dalam zaman kerajaan 'Uthmāniyyah (1874) adalah ditanggapi sebagai usaha terawal menyusun hukum Islam dalam bentuk kod atau kanun, berdasarkan mazhab Ḥanafī.<sup>4</sup>

Wahbah al-Zuhayli ada menjelaskan bahawa kodifikasi punya kelebihan dan kekurangan. Antara kekurangan yang beliau lihat ialah wujudnya kekangan terhadap peraturan berkenaan hingga boleh menyebabkan kebekuan, boleh melemahkan semangat *ijtihad* dan pemaksaan sesuatu pendapat yang eksklusif. Semantara kelebihan pula adalah ia memberikan kemudahan kepada pemahaman peruntukan undang-undang jika dibandingkan dengan peruntukan hukum dalam bentuk penulisan *fiqh*, memudahkan pemilihan pendapat yang diutamakan dan juga memungkinkan keputusan-keputusan mahkamah yang seragam. Kodifikasi *Majallat al-Ahkām al-'Adliyyah* telah menjadi asas dan pemangkin kepada kelahiran kod-kod undang-undang Islam terutamanya di negara-negara Timur Tengah seperti Jordan, Kuwait, United Arab Emirates<sup>5</sup> malah di negara kita Malaysia.<sup>6</sup>

<sup>4</sup> Lihat tulisan Wahbah al-Zuhayli, *Juhūd Taqīn al-Fiqh al-Islāmi*, Beirut : Mu'assasah al-Risālah, 1987. Untuk melihat jaluran perkembangan kodifikasi lihat Majid Khadduri dan Herbert Liebesny, *Law in the Middle East*, 1955; Ann Elizabeth Mayer, "The Shari'ah : A Methodology or A Body of Substantive Rules" dalam *Islamic Law and Jurisprudence* suntingan Nicholas Heer, ms. 177-198.

## Keperluan : Antara Hajat dan Darurat.

Mukaddimah kertas ini dan kenyataan mengenai kedudukan zakat dalam konteks telah memberikan jawapan bahawa menggubal undang-undang zakat adalah bukan sahaja satu keperluan tapi sudah mencapai tahap kemestian. Dari segi bahasa terdapat beza antara perlu dan mesti. Dalam perbincangan jurispruden Islam juga, terdapat kaedah yang menyebutkan bahawa “hajat akan berubah menjadi suatu kemestian dalam bentuk yang umum atau khusus” (Artikel 31 Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah).<sup>7</sup> Keadaan ini boleh berlaku disebabkan oleh faktor memberikan kemudahan (*tashīl*) dan keringanan (*taysīr*).

Di samping itu aspek kemaslahatan (*maṣlaḥah*) juga boleh menjadi asas kepada sebarang perubahan atau anjakan dalam perundangan terutamanya yang berkaitan soal rantingan. *Maslahah* adalah tujuan utama perundangan Islam dan sewajarnya menjadi dasar sebarang keputusan. Ini bersesuaian dengan makna istilah yang dihubungkan dengan konsep-konsep seperti kemaslahatan awam, kepentingan umum, kebajikan, keringanan dan sebagainya. Ia juga merupakan salah satu dari aspek yang terangkum di bawah *al-maqāsid al-shar‘iyyah*.<sup>8</sup>

Selain dari itu, ruang yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk Islam diamalkan wajar diberikan tanggapan positif. Artikel 3 yang memberikan ruang untuk Islam sebagai ugama Persekutuan, walaupun wujud polemik tentang sejauh-

<sup>5</sup> Lihat Farhat Ziadeh, *Lawyers, Rule of Law and Modernism in Modern Egypt*, Stanford California : 1968; Ian Edge, “Comparative Commercial Law of Egypt and Arabian Gulf” *Cleveland State Law Review* vol.34 (1985-86), ms.129-130; William Ballantyne, “The New Civil Code of the United Arab Emirates” *Arab Law Quarterly* vol.1 (3) (1986), ms.245; Susan Rayner, *The Theory of Contract in Islamic Law : A Comparative Analysis with Particular Reference to the Modern Legislation in Kuwait, Bahrain and the UAE*, London, 1991.

<sup>6</sup> Lihat Zainudin Jaffar, “The Development of Islamic Legal Thoughts in Twentieth Century Malaysia : An Assessment of Cross-Cultural Links With Special Reference to the Ottoman *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah*” dalam *Unity and Diversity* (Proceeding of the British Society for Middle Eastern Studies 1994).

<sup>7</sup> *al-ḥājah tunazzalu manzilāt al-darūrah, ‘ammātān kānat am khāṣṣah.*

manakah impaknya, tetap punya signifikan tertentu. Ia memberikan ruang asas bagi pengamalan Islam dalam pelbagai bidang, walaupun prosesnya berjalan secara berperingkat-peringkat. Kedudukan Mahkamah Shari'ah yang sangat tidak memuaskan, antaranya:

- a) Tidak memasukkannya dalam takrifan "law" (artikel 160, Perlembagaan Persekutuan);
- b) Hanya menyebut Mahkamah Shari'ah dalam senarai negeri (Jadual Kesembilan, Senarai II (1));
- c) Bidangkuasa yang terhad;
- d) Keputusan boleh diketepikan oleh Mahkamah Sivil.

Keadaan ini telah menyebabkan terbentuknya Jawatankuasa yang diketuai oleh al-Marhum Tan Sri Syed Nasir Ismail bagi meningkatkan kedudukan Mahkamah Shari'ah dalam berbagai-bagai aspek. Selain dari itu, pindaan kepada artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa kuasa kehakiman Persekutuan akan diberikan kepada Mahkamah Sivil dan dengan itu Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah di bawahnya tidak punya bidangkuasa dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan bidangkuasa Mahkamah Shari'ah.<sup>9</sup>

Professor Ahmad Ibrahim telah menyatakan bahawa Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam antaranya Enakmen negeri Selangor 1952, punya banyak kekosongan yang perlu diisi dan ketidakselarasan yang perlu diseragamkan. Beliau

<sup>8</sup> Dalam hal ini perhatikan pendapat Imam Ibn Taimiyah yang dianalisa oleh Abdul Azim Islahi bahawa : " it should be noted that to regulate the affairs of people is one of the most important requirement (*wājibāt*) of the religion. The religion cannot be established without it. The well-being of the sons of Adam cannot be accomplished except through a well-organised society..." Begitu juga Ibn Taimiyah mengaitkan konsep *al-siyāsah al-'ādilah* (just government) dan *al-wilāyah al-sālihah* (the very purpose of public office) Lihat Abdul Azim Islahi, *Economic Concepts of Ibn Taimiyah*, The Islamic Foundation : Leicester, 1988, ms.173 dan ms.178. Lihat juga Muhammad al-Tāhir al-'Ashūr, *Maqāsid al-Shar'īyyah al-Islāmiyyah*, Tunis, 1946. Lihat juga Muhammad Khalid Mas'ūd, *Islamic Legal Philosophy : A Study of Abū Ishāq al-Shātibī's Life and Thought*, Islamabad, 1977.

antara lain menyebut soal keperluan wujudnya undang-undang yang komprehensif mengenai zakat, fitrah dan baitulmal selain dari aspek-aspek berkaitan dengan undang-undang keluarga yang seragam, undang-undang kesalahan-kesalahan shar'iyah dan lain-lain.<sup>10</sup>

Walaupun zakat merupakan obligasi agama yang kita andaikan bahawa manusia Muslim akan tunduk, patuh dan menjalankan tugas mereka adalah tidak memadai kini. Keperluan untuk memperundangkan zakat dalam bentuk satu enakmen khas adalah sangat ketara. Kes ini adalah sama dengan kewujudan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan shar'iyah menunjukkan bukti bahawa walaupun aspek itu sudah diketahui sebagai kesalahan yang diperakukan oleh agama tetapi ia masih juga dimasukkan ke dalam enakmen. Wujudnya undang-undang zakat tersebut diharap akan menjadi landasan pelaksanaan kutipan dan pengagihan zakat serta penguatkuasaannya terhadap mana-mana pihak yang enggan patuh kepadanya.

### **Meluaskan skop zakat.**

Antara perkara yang perlu diambilkira oleh pihak berwajib dan umat Islam secara keseluruhan ialah skop zakat terutamanya harta atau wang yang perlu dizakatkan.

Antaranya:

1] Zakat hasilan pertanian yang bukan tergolong dalam kategori makanan ruji tetapi membawa hasilan yang jauh lebih tinggi dari hasil tuaian padi. Contohnya : durian, mangga, nenas dan sebagainya;

2] Zakat perniagaan dan korporat;

<sup>9</sup> Ahmad Ibrahim, "Recent Developments in the Shari'ah Law in Malaysia" dalam *Undang-Undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah* suntingan Abdul Monir Yaacob, IKIM : Kuala Lumpur, 1995, ms.46-47.

<sup>10</sup> Ibid., ms.52.

### 3) Zakat gaji dan pendapatan.

Oleh kerana aspek zakat diletakkan di bawah bidangkuasa negeri ianya sangat bergantung kepada *fatwā* yang dibuat oleh setiap negeri. Ada perbezaan pendapat dan perspektif dalam hal-hal tersebut dan menyebabkan keadaan yang tidak menggalakkan arah perkembangan yang dikehendaki. Sungguhpun demikian, mana-mana negeri yang boleh berjalan dahulu mesti memulakan langkah, meneruskan dan memantapkannya. Sekurang-kurangnya, premis yang ada sekarang membolehkan ada negeri yang sudah punya mekanisma yang baik dalam hal pungutan zakat walaupun tanpa kewujudan undang-undang komprehensif zakat.

#### **Bagaimana melakukannya.**

Antara soalan yang penting di sini adalah soal kaedah melaksanakan kutipan dan agihan yang akan menentukan bentuk perundangan yang diperlukan. Apa yang diperlukan ialah peruntukan undang-undang yang mewajibkan penunaian zakat kepada individu atau syarikat yang telah cukup syarat demi mencapai matlamat sosio-ekonomi masyarakat Islam. Apa yang telah dicadangkan ialah mengikut format yang hampir sama dengan format pengutipan cukai pendapatan. Setiap tahun seseorang atau sesebuah syarikat akan mengisi borang taksiran pendapatan mereka dan kegagalan melakukannya akan ditangani secara perundangan juga dengan denda dan sebarang hukuman yang sesuai. Yang berbeza ianya dilakukan kepada pihak berwajib agama negeri.

Kaedah yang ada sekarang ialah kaedah sukarela dan pilihan di mana pembayar zakat akan mendapat rebat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Adalah dicadangkan suatu formula di mana setiap pembayaran yang dibayar kepada LHDN, sejumlah 2.5% akan terus diambil sebagai zakat.

Selain daripada itu, undang-undang juga diperlukan untuk memberikan landasan yang tertentu supaya pengagihan zakat dapat dilakukan dengan sistematik dan merata kepada asnaf penerima. Di samping itu fokus kepada “mengeluarkan” para penerima zakat dari lingkungan kemiskinan dan tekanan hidup wajib menjadi matlamat, bukan sekadar memberi untuk penggunaan tanpa matlamat sedemikian.

Begitu juga melihatkan tahap keseriusan al-Qurʾān dan al-Sunnah serta tindakan drastik dan berani Saidina Abu Bakar al-Ṣiddīq RA dan pimpinan Islam sepanjang zaman mengenai isu zakat, maka undang-undang juga diperlukan dalam menangani mereka yang enggan membayar zakat.

## **Kesimpulan.**

Keperluan enakmen zakat adalah zahir, jelas dan pasti samada dilihat dari perspektif *uṣūli* dan *qānūni*. Soal yang perlu ditangani berbangkit dari kesedaran di atas ialah keperluan menyediakan draf undang-undang yang punya sifat komprehensif, praktikal, dinamik dan seumpamanya. Kajian-kajian mendalam perlu diteruskan dengan gigih dan lebih ramai tenaga professional perlu dilibatkan dalam usaha besar dan murni ini, yang menggabungkan tenaga berpengalaman dan tenaga muda yang perlu bimbingan. Model yang sedia ada di negara Islam lain boleh dijadikan panduan. Keselarasan arah-tuju berkaitan soal *fatwā* dan memilih apa yang paling sesuai untuk kemaslahatan ummat sangat diperlukan. Enakmen zakat yang tersebut pasti akan memantapkan institusi zakat, memantapkan komitmen masyarakat pelbagai lapisan kepada penunaian obligasi mereka, memantapkan langkah penguatkuasaan dan seterusnya memantapkan sosio-ekonomi ummah dan watan. Wallāhu Aʿlam.


*Seminar Kebangsaan  
Peranan Zakat Dalam  
Institusi Pendidikan*

**KERTAS KERJA 3**

**ZAKAT GAJI: KEWAJIPAN  
DAN IMPLIKASI EKONOMI**


Oleh:

**Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid**  
**Pengarah Akademi Pengajian Islam**  
**Universiti Malaya**



*Anjuran Bersama*

**ITM & PZS**





# ZAKAT GAJI: KEWAJIPAN DAN IMPLIKASI EKONOMI

## Pendahuluan

Meskipun dalam penggunaan harian, istilah gaji secara umumnya diertikan dengan satu bentuk bayaran tertentu yang di bayar oleh majikan sebagai ganjaran kepada kerja atau khidmat yang dilakukan namun dalam konteks perbincangan ini ia seharusnya bererti lebih luas dari itu. Apa yang dimaksudkan di sini ialah segala bentuk habuan yang diberi, samada yang bersifat gaji dalam pengertiannya yang sempit di atas, elaun, imbuhan, sumbangan, hadiah dan sebagainya. Apa yang penting ia termasuk di bawah istilah “ganjaran” hasil kerja atau khidmat.

Malah, kedudukan majikan sebagai pihak yang membayar juga tidak penting dalam perbincangan ini. Apa yang penting ialah pendapatan ini sebagai hasil atau ganjaran kerja atau khidmat. Bukan menjadi persoalan sama ada pihak yang membayar itu majikan atau pelanggan, asalkan saja ia bukan hasil atau faedah pelaburan mana-mana harta yang telah sedia ada.

Oleh kerana itu adalah perlu dikaitkan dengan istilah gaji di sini segala bentuk pendapatan kerja sendiri, misalnya bayaran profesional.

## Pandangan Para Fuqaha

Dalam pengajian hukum Islam, pendapatan seperti ini disebut sebagai al-Mal al-Mustafad.<sup>1</sup> Secara ringkasnya ia boleh di sifatkan sebagai pendapatan yang bukan merupakan keuntungan kepada mana-mana pelaburan harta.

---

<sup>1</sup> Lihat Yusuf al-Qaradhawi Fiqh al-Zakat, Beirut: Mua'sasah al-Risalah, ed. ke 2, 1973, Jld. 1, Ms. 457.

Pendapat popular dalam fiqh klasik tidak mengenakan zakat secara terus ke atas pendapatan seperti ini. Sebaliknya ia tertakluk kepada syarat “haul”, di mana pungutan akan di buat berasaskan zakat harta simpanan.<sup>2</sup> Dengan kata lain secara popularnya para fuqaha tidak berpendapat gaji di kenakan zakat kecuali ia disimpan selama satu tahun dalam jumlah yang cukup nisab.

Hanya para fuqaha mazhab Syi’ah dan zahiri sahaja yang berpendapat zakat perlu dipungut secara terus daripada pendapatan seperti ini, iaitu tanpa syarat haul.<sup>3</sup>

Di kalangan para fuqaha kontemporari juga pandangan berbelahbagi. Antara tokoh yang paling lantang menegaskan, kewajipan zakat atas gaji tanpa tertakluk kepada syarat haul ialah Yusuf al-Qaradhawi dalam bukunya yang terkenal *Fiqh al-Zakat* itu. Sementara mereka yang berpendapat sebaliknya pula ialah tokoh-tokoh seperti Muhammad Abu Zahrah dan Muhammad al-Ghazali.<sup>4</sup>

Mengikut Ismail Syahatah dalam buku beliau *Tanzim Wa Muhasabah al-Zakah Fi al-Tatbiq al-Mu’asir*<sup>5</sup> dalam muktamar zakat yang pertama di Kuwait pada tahun 1984, majoriti para peserta berpendapat zakat gaji tidak boleh dipungut tanpa tertakluk kepada syarat haul, iaitu sama dengan pendapat popular dalam fiqh klasik. Sementara golongan minoriti dalam muktamar tersebut berpendapat sama seperti pendapat kedua di atas.

Di Malaysia juga pandangan masih berbelah bagi. Pandangan al-Qaradhawi mendapat sokongan yang menggalakkan dari kalangan terpelajar yang agak terbuka, tetapi di tolak oleh kalangan para ulama yang mantap.

## Asas Pandangan

Bagaimanapun, perbezaan pendapat seperti ini bukan sesuatu yang janggal

<sup>2</sup> Lihat: Ibnu Hazm, al-Muhalla, Kahirah: Maktabah al-Jumhuriyah al-Arabiyah, 1967, Jld. 6, Ms. 106; Ibnu Qudamah, al-Mughni, kahirah: Maktabah al-Qahirah, 1989, Jld.3, Jld. 3, ms. 57.

<sup>3</sup> Ibnu Hazm, Ibid, jld. 6, ms. 106 - 110.

<sup>4</sup> Lihat kenyataan mereka ini dalam “Halaqah al-Dirasat al-Ijtima’iyah, ms. 248, sepertimana yang dinyatakan, oleh al-Qaradhawi dalam *Fiqh al-Zakat*, ibid, Jld. 1, ms. 489.

<sup>5</sup> Kahirah: 1988, ms. 258.

dalam pengajian hukum Islam. Ia sentiasa diterima secara positif oleh para ulama. Malah, asas penerimaan ini terdapat dalam hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Sebenarnya perbezaan pendapat ini berlaku di zaman para sahabat Rasulullah s.a.w. lagi. Antara para sahabat yang menolak kemungkinan zakat dipungut dari pendapatan seperti ini tanpa tertakluk kepada syarat “haul” ialah Ali, Ibnu Umar, Anas dan Aisyah. Sementara Ibnu ‘Abbas, Ibnu Mas’ud dan Mu’awiyah berpendapat sebaliknya.<sup>6</sup>

Di kalangan generasi al-Tabi’in, pandangan-pandangan para sahabat ini di terima oleh kalangan-kalangan yang berbeza-beza. Pandangan yang mengharuskan zakat diambil dari pendapatan seperti ini tanpa syarat “haul” di terima baik oleh al-Imam al-Sadiq, al-Imam al-Baqir al-Nasir dan Daud al-Zahiri, itulah para pengasas mazhab Syi’ah dan mazhab Zahiri. Sementara pandangan sebaliknya di terima baik oleh golongan terbanyak para fuqaha generasi berkenaan. Begitupun ada juga riwayat yang menyebut pendapat ini di terima baik oleh Umar Ibn Ab. Aziz, al-Hasan al-Basri, al-Zuhri dan al-Auza’i iaitu tokoh-tokoh besar Sunni di zaman sebelum perkembangan mazhab.<sup>7</sup>

Sebab utama kepada perbezaan pendapat ini ialah perbezaan pendapat dalam mentafsirkan nas-nas hukum tentang zakat pendapatan seperti ini sejauh mengenai syarat “haul”. Para fuqaha seluruhnya<sup>8</sup> tidak berbeza pendapat syarat “haul” ini dikenakan dalam zakat binatang ternakan, emas dan Perak, wang ringgit dan barang-barang perniagaan. Pada asasnya hukum tersebut berdasarkan secara jelas kepada hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh al-Daruqatni dan al-Baihaqi dari Ibnu Umar. Hadis tersebut secara umum menyebut zakat harta tidak akan dikenakan kecuali apabila cukup “haul”.

Di samping itu para fuqaha juga sependapat syarat haul tidak dikenakan atas zakat hasil tanaman.<sup>9</sup> Ini juga berdasarkan kepada nas umum, iaitu ayat 141 Surah al-An’am yang menyebut zakat tanaman perlu di pungut pada waktu ia dituai.

---

<sup>6</sup> Lihat: Ibnu Hazm, Op. Cit, Jld. 6, ms. 106.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Lihat: Ibnu al-Human, Fath al-Qadir, Kahirah: al-halabi, 1970, Jld. 2, ms. 155; Ibnu Rusyd, Bidayat al-Mujtahid, kahirah: Mohd Ali Subaih, (tt) Jld.1, ms. 261; Syirazi, al-Muhadzab, kahirah: al-Halabi, (tt) Jld. 1, ms. 143; Ibnu Qudamah, op. cit, Jld.2, ms. 470.

<sup>9</sup> Ibnu al-Human, Ibid; Ibnu Rusyd, Ibid, al-Syirazi, Ibid; Ibnu Qudamah, Ibid.

Berasaskan kepada ayat yang sama juga, iaitu mengikut kaedah pentafsiran secara meluas, para fuqaha hampir sependapat zakat bahan galian dan purba juga tidak tertakluk kepada syarat “haul”.<sup>10</sup> Kata Ibnu Quda'mah, galian adalah harta yang di perolehi dari tanah. Maka ia tidak tertakluk kepada syarat “haul” sama seperti hasil tanaman dan tumbuhan.<sup>11</sup>

Bagaimanapun, dalam menentukan kedudukan zakat pendapatan para fuqaha berbeza pendapat tentang dalil mana yang perlu diutamakan. Kerana bukan sahaja pengertian umum hadis Ibnu Umar di atas dan Qiyas yang berasaskan ayat 141 surah al-An'am sahaja yang perlu diambil kira, tetapi juga hadis-hadis lain serta athar yang khusus tentang al-Mal al-Mustafad. Persoalannya apakah pengertian umum hadis Ibnu Umar masih boleh dipakai meskipun ia bertentangan dengan qiyas yang berasaskan kepada nas al-Quran? Bagaimana pula tentang hadis-hadis yang khusus mengenai al-Mal al-Mustafad itu sendiri?

Antara hadis-hadis khusus tentang al-Mal al-Mustafad ialah hadis al-Termidzi yang diriwayatkan dari Ibnu Umar. Dalam hadis tersebut Rasulullah disebut sebagai bersabda, zakat tiada dikenakan atas pendapatan seperti itu kecuali sesudah sampai “haul” ditangan pemiliknya. Bagaimanapun ada pertikaian tentang status hadis ini.<sup>12</sup>

Antara hadis lain ialah athar Ibnu Abbas sepertimana yang diriwayatkan oleh abu Ubaid dalam al-Amwal.<sup>13</sup> mengikut riwayat tersebut Ibnu Abbas menyebut zakat pendapatan seperti itu perlu dikeluarkan serta merta pada masa ia diperolehi. Bagaimanapun ada pertikaian tentang maksud sebenar istilah “perolehan” dalam athar itu. Kata Abu Ubaid ia bermaksud hasil bumi.<sup>14</sup>

Satu hadis lain ialah riwayat Abu Ubaid dari Hubairah Ibn Yaryam. Dalam riwayat itu ada disebutkan Ibnu Mas'ud apabila memberi sesuatu “pemberian” kepada orang akan terus memungut zakat dari pemberian itu.<sup>15</sup> Bagaimanapun

<sup>10</sup> Kecuali yang diriwayatkan oleh Ibnu al-Mundzir seperti yang dinukilkan oleh Ibnu Qudamah dalam al-Mughni, ibid, Jld. 3, ms. 55.

<sup>11</sup> Ibid. Lihat juga al-Nawawi, al-Majmu', Kahirah: Matba'ah al-'Asimah,(tt) Jld. 6, ms. 76

<sup>12</sup> Lihat perbincangan dalam al-Kahlani, Subulus. Salam Kahirah: al-Halabi, 1960 Jld. 1,ms. 129.

<sup>13</sup> Kahirah: Dar al-Fikr, 1975, ms. 413.

<sup>14</sup> Ibn Ubaid, al-Amwal, Ibid, ms. 414.

<sup>15</sup> Ibid, ms. 412.

ada pentafsiran yang menyebut zakat berkenaan telah sabit sebelum pemberian itu di beri kepada orang berkenaan.<sup>16</sup>

### **Prinsip Keadilan dan Kepentingan Semasa**

Dalam pengajian hukum Islam, pertentangan lahir pengertian nas-nas syarak boleh membuka ruang yang luas untuk ijtihad semasa. Dalam melakukan ijtihad seperti ini para fuqaha berpandu kepada banyak prinsip. Antaranya ialah adat dan kebiasaan, kepentingan semasa, prinsip keadilan dan sebagainya.

Berasaskan kepada hakikat ini, penentuan samada zakat gaji diwajibkan terus tanpa syarat “haul” atau sebaliknya perlu berdasarkan pertimbangan prinsip-prinsip di atas. Dengan kata lain, ia perlu dilihat dari kaca mata adat dan kebiasaan setempat, kepentingan semasa, keadilan di antara berbagai pihak dalam masyarakat dan sebagainya.

Bagi menjadikan pertimbangan berkenaan lebih bermakna faktor ekonomi dan perekonomian wajar dijadikan landasan. Kerana selain dari sifatnya sebagai ibadat, zakat mempunyai objektif ekonomi yang jelas. Ia bertujuan untuk memantapkan urusan ekonomi kebajikan dalam masyarakat.

Jelasnya, dalam realiti ekonomi masyarakat Islam di Malaysia sekarang, manakah satu pilihan yang tepat bagi menjamin tercapainya objektif ekonomi kebajikan, antara melaksanakan polisi zakat yang ketat atau longgar terhadap para pemakan gaji dan ahli-ahli profesional.?

Realitinya, pendapatan pemakan gaji dan ahli-ahli profesional di Malaysia hari ini lebih lumayan dari pendapatan para petani dan peladang tradisional dan kecil. Apakah wajar zakat di pungut dari para petani berkenaan yang rata-ratanya miskin sedangkan para pemakan gaji dan ahli-ahli profesional di lepaskan begitu sahaja.? Prinsip keadilan tidak akan menjawab “ya” kepada soalan ini.

Nyata sekali, pengambilan zakat gaji sebagai satu jenis zakat yang tersendiri dan bekerja sebagai wang simpanan yang tertakluk kepada “haul” mempunyai asas yang cukup dalam syariah Islam. Ia di dokong oleh prinsip adat dan kebiasaan setempat kepentingan semasa masyarakat Islam, juga keadilan antara berbagai

---

<sup>16</sup> Ibid.

pihak dalam masyarakat. Tegasnya, zakat gaji mempunyai implikasi ekonomi yang jelas bagi masyarakat Islam di Malaysia sekarang.

### **Kaedah Pentadbiran**

Bagaimanapun, pelaksanaan hukum memungut zakat gaji ini perlu di tadbirkan dengan baik dan cekap. Kalau tidak ia mungkin boleh mengakibatkan kezaliman dan penekanan yang tidak sewajarnya.

Satu perkara yang paling asas perlu diambil kira ialah keperluan asasi. Maksudnya, zakat hanya di pungut sesudah di tolak keperluan asasi pembayar berkenaan.

Hutang juga perlu diambil kira. Apa yang dimaksudkan ialah kadar progres pembayaran balik hutang berkenaan dalam tempoh yang berkenaan ini.

Maka apabila semua ini sudah di ambil kira pungutan hanya bergantung kepada adanya “nisab” atau sebaliknya. Apabila sudah ada nisab ia boleh dibayar sama ada harian, mingguan, bulan ataupun tahunan.

**Wallahu a'lam.**

*Seminar Kebangsaan  
Peranan Zakat Dalam  
Institusi Pendidikan*

**KERTAS KERJA 4**


**PENGAGIHAN SEBAHAGIAN  
DANA ZAKAT UNTUK TABUNG  
PENDIDIKAN: POTENSI DAN  
CADANGAN PELAKSANAAN**

Oleh:

**Prof. Madya Dr. Hj. Hailani Muji Tahir**


**Jabatan Syariah**

**Fakulti Pengajian Islam UKM**



*Anjuran Bersama*

**ITM & PZS**



# **PENGAGIHAN SEBAHAGIAN DANA ZAKAT UNTUK TABUNG PENDIDIKAN: POTENSI DAN CADANGAN PELAKSANAAN**

## **1. PENDAHULUAN**

Tajuk di atas menarik perhatian umum kepada konsep agihan dalam sistem zakat. Perbincangannya difokuskan kepada tiga perkara pokok, iaitu dari segi konsep atau teori, amalan yang sedang berlaku, khususnya di Pusat Agihan Zakat (PAZ) Negeri Selangor, dan apa yang sepatutnya berlaku. Perkara pertama boleh dirujuk secara detailnya dalam kitab-kitab fiqh yang muhtabar dalam bahagian zakat, sementara bahagian kedua pula boleh diketahui maklumat semasa melalui PAZ. Perbincangan tajuk di atas lebih tertumpu kepada bahagian ketiga, iaitu apa yang sepatutnya boleh dilakukan secara yang lebih berkesan oleh PAZ dalam pengagihan dana zakat supaya lebih adil dari segi tuntutan syarak dan diterima masyarakat.

## **2. KONSEP/TEORI AGIHAN**

Konsep ialah kerangka dasar suatu idea yang dibentuk melalui pencerapan atau pengamatan, diambil daripada nilai-nilai dan peraturan-peraturan tertentu. Ini bermakna konsep zakat itu terbentuk dalam suatu sistem al-Din yang unggul yang terdapat di dalamnya nilai-nilai hukum, disiplin dan peraturan yang mengawal perjalanan sistem yang telah ditetapkan Allah, dan manusia wajib mematuhi.

Dalam agihan zakat, umpamanya, asas pelaksanaannya diambil



daripada Surah al-Tawbah, ayat 60:

*“Sesungguhnya sadaqah/zakat itu hanya tertentu (agihannya) untuk orang-orang faqir, miskin, para amil yang menguruskan zakat, orang muallaf yang dijinakkan hatinya, hamba-hamba yang hendak memerdekakan diri (diberi peluang menebus dirinya tetapi tidak mampu), orang-orang yang berhutang (untuk kebaikan Islam), orang-orang yang berjuang pada jalan Allah, dan orang-orang-orang musafir (yang kehabisan bekal) dalam perjalanan, (ketentuan agihan itu) menjadi kewajiban fardu yang ditetapkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.*

Selain ayat di atas, al-Sunnah juga menjadi asas/dalil yang menguatkan pelaksanaannya. Hadith Muaz bin Jabal, umpamanya menjelaskan bahawa “Allah mewajibkan, ke atas harta mereka, sadaqah/zakat, diambil daripada (sebahagian kecil harta) orang-orang kaya dan diberi/diagihkan kepada orang-orang fakir dan miskin (hadith riwayat Ibn ‘Abbas). Selain dalil al-Qur’an dan al-Sunnah para ulama/fuqaha’ juga sepakat mengatakan bahawa zakat (dan agihannya) itu wajib ke atas orang-orang Islam melakukannya.

### **3. AGIHAN ZAKAT**

Zakat diagihkan kepada lapan asnaf seperti dijelaskan dalam Surah al-Tawbah, ayat 60. Mengenai *ikhtilaf fuqaha’* dalam soal bilangan dan kriteria asnaf yang berhak menerima agihan zakat telah saya jelaskan dalam kertas kerja bertajuk “Penafsiran Golongan Asnaf Lapan mengikut Keperluan Semasa Di Malaysia”, dibentang dalam Persidangan Pemantapan Institusi Zakat, anjuran PAZ dan INMIND pada 19.6.97 di Hotel Radisson, Shah Alam.

Perbincangan kali ini khusus ditumpukan kepada golongan “muhtajin” iaitu enam asnaf, selain *fi sabilillah* dan amil. Rujukan diambil daripada buku panduan bahagian PAZ dan apa yang sedang diamalkannya. Berikut

daripada Surah al-Tawbah, ayat 60:

*“Sesungguhnya sadaqah/zakat itu hanya tertentu (agihannya) untuk orang-orang faqir, miskin, para amil yang menguruskan zakat, orang muallaf yang dijinakkan hatinya, hamba-hamba yang hendak memerdekakan diri (diberi peluang menebus dirinya tetapi tidak mampu), orang-orang yang berhutang (untuk kebaikan Islam), orang-orang yang berjuang pada jalan Allah, dan orang-orang-orang musafir (yang kehabisan bekalan) dalam perjalanan, (ketentuan agihan itu) menjadi kewajiban fardu yang ditetapkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.*

Selain ayat di atas, al-Sunnah juga menjadi asas/dalil yang menguatkan pelaksanaannya. Hadith Muaz bin Jabal, umpamanya menjelaskan bahawa “Allah mewajibkan, ke atas harta mereka, sadaqah/zakat, diambil daripada (sebahagian kecil harta) orang-orang kaya dan diberi/diagihkan kepada orang-orang fakir dan miskin (hadith riwayat Ibn ‘Abbas). Selain dalil al-Qur’an dan al-Sunnah para ulama/fuqaha’ juga sepakat mengatakan bahawa zakat (dan agihannya) itu wajib ke atas orang-orang Islam melakukannya.

### **3. AGIHAN ZAKAT**

Zakat diagihkan kepada lapan asnaf seperti dijelaskan dalam Surah al-Tawbah, ayat 60. Mengenai *ikhtilaf fuqaha’* dalam soal bilangan dan kriteria asnaf yang berhak menerima agihan zakat telah saya jelaskan dalam kertas kerja bertajuk “Penafsiran Golongan Asnaf Lapan mengikut Keperluan Semasa Di Malaysia”, dibentang dalam Persidangan Pemantapan Institusi Zakat, anjuran PAZ dan INMIND pada 19.6.97 di Hotel Radisson, Shah Alam.

Perbincangan kali ini khusus ditumpukan kepada golongan “muhtajin” iaitu enam asnaf, selain fi sabilillah dan amil. Rujukan diambil daripada buku panduan bahagian PAZ dan apa yang sedang diamalkannya. Berikut

ini diberikan perincian perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam perbincangan.

#### **4. PERANAN MAIS, PAZ DAN IPT**

(a) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan badan tertinggi agama di Negeri Selangor yang membuat polisi berkaitan hal ehwal agama dan pelaksanaannya. Peranannya amat luas seperti yang termaktub dalam enakmen undang-undang Pentadbiran Agama Islam, Selangor 1993.

(b) Dalam melaksanakan keputusan yang dibuat, MAIS telah menubuhkan beberapa agensi atau anak syarikat, termasuklah PPZ dan PAZ. Pusat Pungutan Zakat (PPZ) menjalankan koleksi zakat di Negeri Selangor, sementara Pusat Agihan Zakat (PAZ), mengagihkannya. Penswastaaan PAZ bertujuan mengemaskini dan meningkatkan kecekapan agihan zakat. Objektif tersebut boleh dicapai kerana PAZ diberi kebebasan yang sewajarnya dalam melaksanakan agihan, di samping adanya pengawasan di peringkat tinggi iaitu Majlis dan Jawatankuasa Fatwa dalam membuat keputusan dan cara mana ianya dilaksanakan.

Perlu diingat bahawa perkara yang berkaitan dengan zakat dan agihannya adalah diputuskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Fatwa dan kemudian diperakui oleh MAIS, termasuk keputusan membenarkan IPT melaksanakan koleksi zakat dan mengagihkan sebahagiannya kepada komuniti IPT, sebagai contoh Institut Teknologi MARA (apabila disebut IPT termasuk ITM).

(c) Daripada kajian yang dibuat oleh ITM menunjukkan bahawa potensi zakat yang dijangka boleh dipungut di kalangan anggotanya adalah tinggi iaitu RM1.6 juta setahun. Terdapat lebih 10 buah IPTA dan IPTS terletak di Negeri Selangor. Jika ITM berjaya menjadi pelopor kepada pelaksanaan agihan dan koleksi zakat, bermakna jumlah dana yang dapat dikumpul daripada IPT yang di Negeri Selangor adalah besar.

## 5. Persoalan yang timbul dalam usaha melaksanakan konsep diatas ialah:

- (a) Bolehkah wakil (PAZ dan PPZ) melantik wakil (IPT).
- (b) Berapakah bahagian asnaf yang dipohon untuk diagihkan.
- (c) Bahagian yang boleh diterima oleh amil (IPT).
- (d) Bolehkah penerima agihan itu meliputi semua bentuk tanpa memenuhi kriteria asnaf.
- (e) Manakah yang lebih bermanfaat, diberi melalui dana pokok atau manfaatnya sahaja.
- (f) Kemanakah dana pokok dilaburkan.
- (g) Persoalan masalahah dan ruh perundangan Islam.

## 6. PERSPEKTIF

Potensi koleksi zakat di ITM dan IPT di negeri Selangor adalah baik, lebih-lebih lagi timbulnya kesedaran yang agak tinggi di kalangan masyarakat IPT sendiri untuk membayar zakat. Hal tersebut sememangnya disedari oleh MAIS, dan rasa terpenggil untuk memberi kerjasama yang sebaiknya kepada golongan tersebut. Bagaimanapun, dalam pelaksanaannya perlu diambilkira beberapa perkara yang dikemukakan di atas.

- (a) Wakil melantik wakil. Maksud wakil di sini ialah agensi yang melaksanakan sesuatu tugas atau kerja yang diamanahkan oleh seseorang atau institusi sama ada melaksana tugas secara umum atau khusus. Dalam konteks ini MAIS, melantik PPZ dan PAZ, (anak syarikat MAIS), sebagai wakilnya untuk mengutip dan mengagih zakat. Dari segi muamalah Islam perlantikan PPZ dan PAZ untuk melaksanakan tugas khas adalah jelas dan dibolehkan. Begitu juga halnya jika MAIS melantik IPT sebagai agen memungut dan mengagihkan zakat maka kedudukannya adalah sama dengan PPZ dan PAS iaitu dibolehkan. Jika PPZ dan PAZ sendiri melantik IPT menjadi agen kepadanya maka ini akan menimbulkan persoalan wakil melantik wakil. Dari segi muamalah Islam seharusnya tidak boleh dilakukan jika yang pertama (PPZ dan PAZ) mengambil bayaran tertentu

daripada yang kedua (ITM).

Dalam hal di atas PPZ dan PAZ bukan mengenakan bayaran dan tidak pula menerimanya atau melantik wakil, bahkan ia bertindak sebagai penyelaras dan wakil kepada MAIS. Tambahan pula bukan hasrat mereka melantik IPT, sebaliknya IPT sendiri yang berkeinginan untuk dilantik sebagai wakil MAIS. Memandangkan kehendak datangnya dari IPT, kesedaran membayar zakat begitu tinggi, dan koleksi yang akan diperolehi juga akan meningkat, maka sudah pasti manfaat yang akan diterima oleh golongan asnaf akan bertambah. Dari segi Islam, pertimbangan yang harus diambil ialah mana yang lebih utama, pilih yang menguntungkan asnaf lapan yang boleh melepaskan zimmah mereka (e.g. fakir/miskin) dengan membenarkan IPT membuat koleksi dan mengagihkannya atau sebaliknya (mengenai perbincangan wakalah, kaedah fiqh, usul, masalah dan ruh perundangan, hanya akan disentuh jika perlu, ini, kerana ianya boleh dirujuk dalam kitab-kitab muktabar, dan kurang sesuai dibincang di sini, disebabkan halangan masa dan mungkin akan dibincang dalam kesempatan lain).

Persoalan pertama di atas pada dasarnya diterima oleh MAIS. Mengenai persoalan kedua pula boleh ditentukan sendiri oleh IPT iaitu,

(b) Berapakah bahagian/golongan asnaf yang dipohon untuk diagihkan. Dilihat dari segi nama ia digunakan untuk kepentingan pendidikan. Daripada lapan asnaf berapa asnafkah sesuai untuk tujuan pendidikan?

Asnaf (i) & ii) ialah fakir dan miskin. Mereka yang termasuk dalam kriteria tersebut boleh menerima bantuan. Kriteria fakir/miskin adalah relatif.

(iii) Amil. IPT berhak menerimanya. Berapa nisbah bahagiannya ditentukan oleh tugasnya iaitu mengutip 1/16, dan mengagih, mengikut berapa bahagian/golongan asnaf yang dipohon. Jika kurang lapan asnaf maka bahagiannya kurang daripada 1/16.

(iv) Muallaf. Golongan ini mungkin terhad bilangannya. Sesuai atau

tidak IPT memohon bahagiannya adalah tertakluk kepada pertimbangan tertentu. Jika dirasakan perlu, berapa nisbahnya yang sepatutnya dipohon. Jika tidak, serahkan semula 1/8 bahagian kepada MAIS.

(v) Riqab. Hamba tidak wujud. Sebaliknya perhambaan fikrah masih kekal, e.g. sistem informasi perlu dimerdekakan daripada budaya pemikiran yang bertentangan dengan nilai-nilai murni dan akhlak. Sesuai atau tidak dipohon terpulang kepada IPT dengan memberikan alasan yang sesuai dan wajar.

(vi) Gharimin. Berhutang untuk kebaikan Islam. Bahagian ini mungkin sesuai dipohon, kerana kos pendidikan semakin meningkat yang terpaksa ditanggung sebahagiannya oleh ibubapa dan sebahagian lainnya oleh bahagian zakat dan Baitulmal/Kerajaan.

(vii) Fi Sabilillah - berjuang pada jalan Allah. Sebahagian besar bahagian ini boleh digunakan untuk tujuan pendidikan seperti yang diamalkan sekarang. IPT boleh memohonnya.

(viii) Ibn Sabil - Musafir yang kehabisan bekalan. Bahagian ini juga boleh digunakan untuk kos perjalanan mereka yang menuntut di dalam dan luar negara, atau lain-lain perkara yang memenuhi matlamat yang sama.

Daripada penelitian di atas sebahagian besar asnaf layak dipertimbangkan untuk dipohon. Persoalan ketiga timbul ialah,

(c) Berapakah nisbah (sebagai amil) yang boleh diterima oleh IPT. Mengikut kaedah agihan, tugas amil terbahagi dua: memungut dan mengagih. Yang pertama, IPT berhak mendapat separuh bahagian amil iaitu 6.25%. Sementara selebihnya (6.25%) lagi bergantung kepada bilangan asnaf yang diserahkan kepada IPT oleh MAIS. Jika lapan asnaf diserahkan kepada IPT untuk diagihkan maka ia berhak mendapat penuh iaitu 6.25%. Sebaliknya, jika kurang maka ia menerima nisbah yang kurang

daripada 6.25%. Bermakna IPT kan menerima di antara (yang pasti) 6.25% ke 12.5% - boleh jadi 7.03, 7.8, 8.6, 9.3, 10.2, 10.9 dan 11.7%, bergantung sebanyak mana asnaf yang diserahkan kepada IPT. Kemungkinan lain ialah IPT boleh menerima sepenuhnya (1/8) bahagian amil. Perkara tersebut boleh dipertimbangkan oleh MAIS. Persoalan berikutnya ialah,

(d) Bolehkah penerimaan agihan zakat itu meliputi semua orang/institusi tanpa memenuhi kriteria asnaf lapan? Persoalan ini amat penting dihuraikan. Dengan mengambilkira Malaysia sebagai “muslim state” maka tanggungjawab pendidikan dibahagi kepada dua, iaitu pendidikan kebangsaan dan pendidikan agama. Pendidikan yang pertama tidak bermasalah kerana ia terletak di bawah tanggungjawab pemerintah, sementara pendidikan agama kadangkalanya kurang diambil perhatian. Dalam hal kedua ini tanggungjawab, biasanya diambil oleh institusi agama, seperti Majlis-majlis Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia.

Implikasi daripada pembahagian di atas, Jabatan/Majlis Agama Islam pada kebiasaannya memberi bantuan pelajaran melalui dana zakat/baitulmal kepada pelajar-pelajar di sekolah atau maktab-maktab agama. Di IPT (ITM), sebahagian sistem pendidikannya berteraskan sistem “kebangsaan”. Sementara bahagian agama hanya menjadi sebahagian kecil dalam struktur pengajiannya.

Persoalan di atas menarik perhatian kepada konsep “awlawiyah”. Dalam situasi yang ada di Malaysia, mana satukah yang perlu didahulukan, sistem pendidikan agama yang terasing daripada arus pendidikan kebangsaan yang kurang mendapat peruntukan, atau dibolehkan kedua-duanya; iaitu semua pelajar Islam boleh menerima bantuan. Persoalan menarik yang kedua ialah perlukah dalam situasi pendidikan di IPT, semua pelajar Islam menerima bantuan daripada tabung pendidikan zakat IPT, tanpa mengambil kriteria asnaf lapan, paling tidak, sifat fakir dan miskin. Perkara ini perlu dirujuk kepada MAIS. Persoalan-persoalan di atas timbul kerana sistem zakat di Malaysia tidak dijadikan “sistem perdana” seperti yang berlaku dalam sejarah. Jika dalam keadaan sekarang ia menimbulkan permasalahan maka bukan zakat itu yang sepatutnya dipersoalkan.

Mengenai perkara e),

(e) Manakah yang lebih bermanfaat? Penerima bantuan itu diberi menggunakan

“dana pokok” yang terkumpul dalam tabung pendidikan IPT atau menerima “dana manfaat” hasil daripada pelaburan Dana Pokok. Jika memilih yang pertama tidak mengundang masalah. Sebaliknya jika memilih yang kedua, ia akan menimbulkan peroslan berikutnya iaitu,

(f) Bolehkan Dana pokok dilaburkan? Kaedah menghendaki harta zakat yang terkumpul diagihkan kepada yang berhak menerimanya secara “fauran” tanpa dilengah- lengarkan. Kaedah di atas boleh dihuraikan seperti berikut:

(i) Asal. Dari segi sejarah, agihan zakat secara “fauran” bermaksud supaya harta zakat itu diterima terus tanpa tangguh dan mengurangi atau mengganggu hak dan kepentingan penerimanya. Sebanyak mana dikutip, sebanyak itu jugalah diagihkan mengikut nisbah masing-masing. Jika kaedah itu diterima maka kurang perlu diadakan perbincangan atau persidangan. Jika memilih sebaliknya, akan menarik perhatian kepada,

(ii) Manfaat. Jika diserahkan “dana pokok” nisbah yang diterima agak kecil berbanding setelah dana itu dilaburkan. Untuk menjaga hak dan kepentingan penerima maka perlu meminta izin daripada penerima hak, atau pemerintah mendahulukan pinjamannya dengan menggunakan bahagian harta negara. Dalam konteks “Tabung Pendidikan IPT boleh diwujudkan grant sebagai pendahuluan atau pinjaman. Setahun setelah mendapat keuntungan dipulangkan gran IPT dan ditambah keuntungan dengan nisbah yang boleh dibincang. Ini bermakna dana pokok IPT akan kekal dan bertambah dari hasil untung pelaburan, begitu juga penerima hak akan meningkat bahagian atau terimanya.



(iii) Kebijakan. Dalam apa juga keadaan pilihan perlu dibuat. Pelaburan merupakan pilihan yang sewajarnya dengan mengambilkira hak dan kepentingan penerima asnaf. Jika pilihan telah dibuat maka,

(g) Persoalan masalah dan ruh perundangan Islam perlu diambilkira untuk dijadikan titik-tolak ijtihad jama'i (kolektif) dalam pelaksanaannya.

Persoalan masalah timbul apabila melihat dua perkara yang keduanya membawa manfaat kepada ummah dan memerlukan keputusan mana satu yang hendak dipilih untuk dilaksanakan. Keputusan yang dibuat mestilah memilih manfaat yang lebih besar daripada lainnya, dan yang boleh memenuhi hajat dan keperluan golongan muhtajin. Apakah keputusan yang diambil itu wajar dan selari dengan tuntutan syarak dan ruh perundangan Islam semuanya itu boleh diamati daripada sumber perundangan prima, sekunder dan tertiar, juga instrument-instrument lain dalam perundangan.

Dalam apa juga perbincangan, perkara yang perlu diambil perhatian ialah apakah perkara yang dibincang itu ittifaq, atau ikhtilaf, usul atau furu', nass qat'I, atau dzanni. Jika perkara yang dibincang itu termasuk dalam kategori ittifaq, usul dan nass qat'I maka ruang perbincangannya agak terhad. Sebaliknya jika ia termasuk dalam kategori ikhtilaf, furu' dan dzanni maka di sinilah titik-tolak untuk memulakan ijtihad. Jika ijtihad (secara kolektif) itu betul ia akan mendapat dua pahala, jika sebaliknya akan mendapat satu pahala. Dalam hal di atas, MAIS telah meneroka keputusan yang wajar, potensi dan harapan terbuka luas kepada IPT membuktikannya.

## **7. POTENSI DAN HARAPAN**

MAIS memberi ruang kepada IPT mengutip dan mengagihkan zakat. Bahagian amil dan asnaf agihan yang dipohon juga telah diputuskan iaitu 4 bahagian. Ini bermakna potensi IPT mengumpul dan mengagihkan dana zakat amat besar dan kemungkinan melebihi angka RM1.6 juta.

Haipotesis sebelum ini menunjukkan bahawa harta zakat dalam keadaan dan kondisi tertentu, boleh, setelah mengambilkira aspek masalah

dan ruh perundangan, dilaburkan, berbanding jika diagihkan 'fauran'. Dengan pelaburan akan menambah dana zakat dan manfaatnya lebih besar kepada golongan muhtajin dan dapat memenuhi hajat dan keperluannya.

Dana zakat yang terkumpul di IPT boleh dibahagi kepada tiga kumpulan:

- a) Agihan fauran
- b) Rezab - persediaan mudah cair
- c) Istismar - pelaburan

#### **(a) Agihan Fauran**

Agihan ini (1/3 bahagian) diberi kepada golongan yang memerlukan yang boleh memenuhi hajat dan keperluannya secara kecukupan. Ini bermakna mereka masih, dari segi hak, boleh menerima 2/3 bakinya. Bagaimanapun, jika hajat dan keperluannya telah diberi secukupnya, dari segi prinsipnya, bahagian 2/3 tidak boleh dituntut lagi. Berbeza jika sebaliknya.

#### **(b) Rezab - persediaan**

Dana yang diperlukan bagi memenuhi hajat muhtajin mungkin berubah saiznya. Jika bahagian(a) di atas tidak cukup, ia boleh ditampung oleh bahagian (b). Dana ini (1/3 bahagian) jika tidak digunakan boleh dilabur dalam institusi pelaburan Islam e.g. Bank, saham etc. dalam bentuk jangka pendek dan boleh dipanggil jika diperlukan. Dividen atau keuntungannya mungkin kecul, tetapi lebih baik daripada terbiar begitu sahaja tanpa dilabur.

#### **(c) Istismar - pelaburan**

Baki 1/3 bahagian ini boleh dilaburkan dalam bentuk jangka panjang, e.g. hartanah, bangunan dan projek-projek lain yang menguntungkan.

Caranya mudah, umpamanya, dibelikan hartanah dan dibangunkan secara komersil. Harta tersebut, dengan kaedah tertentu, dicagarkan kepada bank untuk mendapat dana pembangunan, hasil keuntungan projek dibahagi kepada tiga: bayar hutang bank, senggaraan dan bakinya masuk semula ke tabung pendidikan. Dengan ini selain untung dalam bentuk tunai dan bangunan, nilai aset juga akan bertambah, dan harta ini boleh dicagarkan kepada bank untuk membuat projek baru yang menguntungkan. Dalam jangka masa tertentu tabung pendidikan IPT melalui dana zakat ini akan bertambah dan semakin meningkat yang akhirnya boleh menyelesaikan berbagai masalah komuniti IPT.

## **8. KESIMPULAN**

IPT, sifatnya sebagai wakil kepada MAIS, menjalankan tugas memungut dan mengagihkan zakat. Sebahagiannya diserahkan kepada MAIS dan bakinya diserahkan kepada tabung pendidikan. Tabung pendidikan yang sifatnya sebagai golongan muhtajin menjadi badan atau institusi yang bertanggungjawab terhadap golongan yang memerlukan bantuan. Dengan kebijaksanaan pengurusan ia boleh membuat keputusan untuk menjaga masalah dan kepentingan golongan yang di bawah pengawasannya. Untuk memastikan tabung pendidikan itu berfungsi, pihak pengurusan boleh memilih jalan bagi menambah dan meningkatkan jumlah dana yang terkumpul dengan melaburkannya dalam projek-projek yang menguntungkan semua pihak, terutamanya komuniti IPT.

Dari segi Islam, pelaburan yang dilakukan oleh golongan muhtajin (tabung pendidikan) adalah dibolehkan. Ini bermakna mereka sendiri yang tahu tentang keperluan yang sewajarnya. Pelaburan akan meningkatkan tabungan, dan hasilnya akan diraihkan bersama dengan lebih baik dan bermanfaat.

*Seminar Kebangsaan  
Peranan Zakat Dalam  
Institusi Pendidikan*


**KERTAS KERJA 5**

**PERANAN ZAKAT DALAM  
INSTITUSI PENDIDIKAN:  
MODEL ITM**

Oleh:


**Muhamad Rahimi Osman  
Koordinator Sains Sosial Islam,  
Pusat Pendidikan Islam  
ITM, Shah Alam**

**Ghafarullahuddin Hj. Din  
Koordinator Pendidikan Islam,  
Pusat Pendidikan Lanjutan  
ITM, Shah Alam**



*Anjuran Bersama*

**ITM & PZS**



# PERANAN ZAKAT DALAM INSTITUSI PENDIDIKAN: MODEL ITM

## 1.0 PENGENALAN

Pada 9 Mei 1998 bersamaan 12 Muharram 1419H Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Institut Teknologi MARA (ITM) telah menandatangani Memorandum Perjanjian bersempena perlantikan ITM sebagai Amil untuk memungut dan mengagihkan zakat pendapatan/penggajian di kalangan warga ITM. Perjanjian ini disaksikan oleh Dato' Khalid Yunus Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia mewakili Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak, Menteri Pendidikan Malaysia. Dengan termeterinya perjanjian ini, ITM mencatat sejarah sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam yang pertama di negara ini melaksanakan program pungutan dan agihan zakat di kalangan warganya.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Dalam rangka meningkatkan proses penerapan nilai-nilai Islam, satu kertas kerja cadangan **Program Q5S ITM** telah sediakan oleh **Kumpulan Perunding Program Q5S** di ITM. Program ini adalah satu agenda bertindak bagi merealisasikan tuntutan **Syhadah(S)** di kalangan warga ITM dengan memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti **5S** berikut iaitu **Sunnah(S1)**, **Solat(S2)**, **Siyam(S3)**, **Syakhsiiyyah (S4)** dan **Sodaqah(S5)** dalam kehidupan warga Muslim ITM.

Pelaksanaan Program Q5S ini akan dibiayai oleh dana *Sodaqah*. Ini selaras dengan tuntutan Islam supaya membelanjakan harta (*Infaq*) untuk pembangunan agama dan ummah. Justeru itu Program Q5S akan bermula dengan Program Sodaqah. Program Sodaqah yang dicadangkan ini mengandungi tiga fasa pelaksanaan iaitu:

- Fasa pertama : Program Zakat ITM
- Fasa kedua : Program Infaq ITM
- Fasa ketiga : Program Waqaf ITM.

Program Zakat ITM ialah cadangan bagi membenarkan ITM memungut dan mengagihkan zakat pendapatan/penggajian di kalangan warga Muslim ITM. Zakat akan dipungut dari kakitangan (pensyarah dan pentadbir) yang layak membayar zakat. Separuh dari hasil kutipan zakat ini akan diagihkan sendiri oleh ITM kepada pelajar-pelajar dan kakitangan yang berhak menerima zakat.

Kertas kerja Konsep Pungutan dan Agihan Zakat ITM telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan Baitul Mal MAIS pada 24 Mac 1997. Sebagai susulan kepada cadangan tersebut, MAIS telah memberi kebenaran kepada ITM melaksanakan pungutan dan agihan zakat di kalangan warga ITM melalui surat yang bertarikh 14 Januari 1998 bersamaan 15 Ramadhan 1418H dengan mengambilkira beberapa perkara, antaranya:

- i. Pihak ITM mengambil empat asnaf (separuh) dari hasil kutipan zakat untuk diagihkan di ITM
- ii. Agihan zakat di ITM hendaklah berpandukan kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.
- iii. MAIS bersetuju memberi 1/2 daripada asnaf Amil kepada ITM sebagai ganjaran/upah Amil
- iv. ITM diminta menghantar laporan kutipan dan agihan bagi setiap tempoh 6 bulan.
- v. Mengadakan satu MoU antara MAIS-ITM bagi tujuan pelaksanaan tersebut.

### **3.0 RASIONAL**

- 3.1 ITM mempunyai bilangan kakitangan yang terdiri dari pensyarah dan pentadbir Muslim yang ramai. Lebih 2000 kakitangan di ITM Shah Alam telah dikenalpasti mampu membayar zakat.
- 3.2 Sebahagian besar pelajar-pelajar bumiputera Muslim ITM datang dari keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana yang memerlukan bantuan kewangan. Adalah amat wajar zakat yang dikeluarkan oleh kakitangan ITM diagihkan kepada pelajar-pelajar dari keluarga yang miskin.
- 3.3 Program Zakat ITM akan memperkukuhkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan warga ITM
- 3.4 Membantu MAIS dalam menyeru umat Islam menunaikan ibadat zakat.

### **4.0 OBJEKTIF**

- 4.1 Meningkatkan komitmen setiap warga Muslim ITM yang berkemampuan membayar zakat.
- 4.2 Membantu agihan harta zakat kepada sasarannya dengan lebih efisien.
- 4.3 Menyediakan dana bantuan pendidikan kepada pelajar-pelajar dalam era pengkorporatan.
- 4.4 Menyediakan bantuan kecemasan kepada warga ITM.

### **5.0 PERLAKSANAAN**

#### 5.1 Struktur Pentadbiran Zakat

Pentadbiran zakat ITM dikendalikan oleh Unit Zakat ITM yang diletakkan di bawah Penolong Rektor Pusat Khidmat Islam Bersepadu (PKIB). Operasi kutipan dan agihan zakat akan diawasi oleh Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat, Infaq dan Wakaf ITM yang terdiri dari pelbagai pihak di ITM. Antaranya:

- i. Timbalan Rektor (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) - **Pengerusi**
- ii. Wakil MAIS.
- iii. Pendaftar
- iv. Bendahari
- v. Penolong Rektor (Pusat Khidmat Islam Bersepadu)
- vi. Penolong Rektor(Pembangunan Perniagaan & ALUMNI)
- vii. Ketua Pusat Pendidikan Islam
- viii. Ketua Unit Zakat ITM
- ix. Wakil-wakil Pertubuhan Kakitangan di ITM
- x. Pakar Rujuk Zakat (dilantik oleh Rektor)
- xi. Dua Orang Ahli/Perunding (dilantik oleh Rektor)
- xii. Penolong Pendaftar (Perhubungan & Kebajikan Staf) - **Setiausaha**

## 5.2 Operasi Pungutan

Pungutan zakat dari kakitangan ITM dijalankan melalui potongan gaji (jika dipersetujui oleh kakitangan) atau bayaran secara tunai kepada Unit Zakat ITM. Bagi menguruskan dana kutipan zakat, satu Akaun Amanah telah ditubuhkan yang dikenali sebagai Akaun Tabung Amanah Zakat, Infaq dan Wakaf ITM yang dikendalikan oleh Bendahari ITM. Semua hasil kutipan zakat ITM akan diserahkan kepada MAIS dan 50% dari hasil kutipan zakat itu akan disalurkan semula kepada ITM.

Pihak MAIS akan mengeluarkan resit bayaran zakat kepada pembayar-pembayar zakat di ITM setiap 6 bulan sekali untuk tujuan pemotongan cukai pendapatan.

## 5.3 Operasi Agihan

Dana zakat yang terkumpul dalam Tabung Amanah Zakat ITM akan dibelanjakan dan diagihkan bagi tujuan-tujuan yang diizinkan oleh syarak seperti yang tersebut di dalam al-Qur'an. (surah *at-Taubah* , ayat 60) yang bermaksud:

*“Bahawa zakat itu adalah untuk orang-orang fakir*



(*fuqara'*) orang-orang miskin (*masakin*) , pengurus-pengurus zakat (*al-'amilin 'alaiha*) , orang-orang yang dipujuk hatinya (*muallaf*) , untuk memerdekakan hamba (*al-riqab*) , orang-orang yang berhutang (*al-gharimin*) , untuk jalan Allah (*fi sabilillah*) dan untuk orang yang dalam perjalanan (*Ibn al-Sabil*) sebagai suatu ketetapan daripada Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Daripada lapan asnaf yang disebutkan dalam ayat di atas, empat asnaf daripadanya dikenalpasti wujud di ITM. Asnaf tersebut ialah:

- i. Fakir
- ii. Miskin
- iii. Muallaf
- iv. Fi sabilillah

Golongan fakir, miskin dan muallaf di atas akan dapat dikenalpasti



daripada pensyarah, Ketua-ketua Kursus, Ketua-ketua Bahagian/Pusat/Unit dan pegawai-pegawai Penghuni Asrama dari setiap kursus, fakulti, bahagian, unit dan asrama. Manakala asnaf *fi sabilillah* adalah untuk pembiayaan usaha-usaha memantapkan penghayatan Islam dalam masyarakat ITM.

Penglibatan semua lapisan warga ITM akan memastikan agihan zakat sampai menepati sasarannya.

## **6.0 POTENSI**

Oleh kerana hampir 100% kakitangan ITM adalah beragama Islam, maka potensi pungutan zakat adalah besar. Anggaran kasar pungutan zakat daripada kakitangan ITM hampir mencecah RM1.6 juta setahun. Ini bermakna agihan kepada ITM akan berjumlah hampir RM800,000.00 setahun. Justeru itu ITM boleh menjadi model kepada IPT lain dalam merealisasikan peranan zakat dalam institusi pendidikan di negara kita. Konsep ini juga berpotensi dilaksanakan diperingkat sekolah-sekolah di seluruh negara melalui kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri, PIBG dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri.


## **7.0 PENUTUP**

Perkara yang menarik dalam program ini ialah ianya menepati kepada apa yang sering disebut sebagai “usaha memberi joran atau jala dan bukan sekadar memberi ikan” dalam usaha menangani isu kemiskinan. Ini adalah lantaran kemiskinan yang berlaku dalam sesebuah keluarga mungkin dapat ditangani secara jangka panjang dengan memberi perhatian kepada generasi kedua keluarga berkenaan melalui peranan sistem pendidikan. Dalam ertikata lain, sesebuah keluarga miskin di samping diberi bantuan segera berdasarkan keperluan tertentu, anak mereka akan dipastikan mendapat pendidikan yang sempurna bagi membolehkan mereka terlepas dari belenggu kemiskinan pada masa hadapan. Paling kurang perlaksanaan program zakat ITM ini akan memastikan hak untuk belajar di kalangan warga miskin tidak akan dirampas lantaran kemelut kemiskinan yang mengelilingi mereka.

*Seminar Kebangsaan  
Peranan Zakat Dalam  
Institusi Pendidikan*


**KERTAS KERJA  
(EDARAN)**

**KERTAS KONSEP  
PROGRAM Q5S ITM**



*Anjuran Bersama*

**ITM & PZS**



**KERTAS KONSEP  
PROGRAM Q5S ITM**

**Disediakan Oleh:**

**Ghafarullahuddin bin Hj. Din  
Pensyarah Kanan  
Koordinator Pendidikan Islam  
Pusat Pendidikan Lanjutan  
ITM, Shah Alam**

**Muhamad Rahimi Osman  
Koordinator Sains Sosial Islam  
Pusat Pendidikan Islam  
ITM, Shah Alam**

**Hashim Ahmad Mohamed  
Koordinator Pentadbiran dan Undang-Undang  
Pusat Pendidikan Lanjutan  
ITM, Shah Alam**

**Penasihat:**

**Prof. Madya Dr. Zainal Mat Saat  
Koordinator Perundangan  
Biro Penyelidikan dan Perundangan  
ITM, Shah Alam**

**Prof. Madya Dr. Md. Amin Abd. Rahman  
Ketua  
Peusat Pendidikan Islam  
ITM, Shah Alam**


**Puan Hamidah Junid  
Ketua  
Pusat Pendidikan Lanjutan  
ITM, Shah Alam**

# KERTAS KONSEP PROGRAM Q5S ITM

## 1.0 MUQADDIMAH

*Total Quality Management* (TQM) diberi perhatian di mana-mana termasuk di Institut Teknologi MARA (ITM). Berikutan pelaksanaan TQM dalam pengurusan ITM, beberapa langkah telah diambil bagi menjayakan konsep TQM. Antaranya, dengan melaksanakan konsep *Total Quality Environment* melalui **konsep 5S** iaitu *Seiri* (Sisih), *Seiton* (Susun), *Seiso* (Sapu), *Seiketsu* (Standard) dan *Shitsuku* (Sikap).

Dalam perspektif Islam, TQM boleh dilihat sebagai satu proses untuk menjanakan '*Total Quality Muslim*' (TQM) yang akhirnya akan melahirkan **Insan Soleh**. Bagi menghasilkan '*Total Quality Muslim*', asas Tauhid, peraturan al-Qur'an dan model Nabi Muhammad SAW. (TQM) mestilah dijadikan teras utama dalam segala perlakuan dan tindakan setiap individu muslim.



**Rajah 1: Pembinaan 'TOTAL QUALITY MUSLIM' melalui pendekatan 'Tawhidic, Qur'anic dan Muhammadic'**

Pencapaian TQM (Total Quality Muslim) ini sebenarnya adalah hasil daripada usaha merealisasikan tuntutan **Syahadah (S)** insan Muslim terhadap keesaan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan kerasulan Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alayhi Wassalam*.

## 2.0 SYAHADAH (S Induk)

Syahadah (S) ialah penyaksian dan pengakuan terhadap keesaan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang disertai dengan keyakinan yang murni. Tuntutan syahadah ialah penghayatan ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Qur'an dan as-Sunnah secara menyeluruh dengan menjadikan Islam sebagai 'way of life'.

Mengenai kedudukan perkara ini, Allah S.W.T menyebutkan di dalam al-Qur'an melalui (surah *Ali 'Imran* ayat 19), maksudnya:

*“ Sesungguhnya agama di sisi Allah hanyalah Islam ”*

Dan firmanNya lagi dalam (surah *Ali 'Imran* ayat 85) yang bermaksud:

*“Barang siapa mencari agama selain dari Islam, tidak akan diterima daripadanya dan dia di akhirat termasuk golongan orang-orang yang rugi ”*

Dan firman Allah dalam (surah *al-Ahzab* **ayat 71**), maksudnya;

*“Dan barangsiapa mentaati Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar”.*

Rasulullah *Sallallahu 'Alayhi Wassalam* bersabda;

*“Orang yang merasai kemanisan iman itu adalah dia yang redha dengan Allah sebagai Tuhannya, Islam sebagai agamanya dan Muhammad sebagai Rasul”* (Hadith riwayat

Imam Muslim dari al-'Abbas bin 'Abd al-Muthalib radiyallahu 'anh, lihat Misykat al-Masabih, Kitab al-Iman, hadith no. 7).

“Quality” dalam **Syahadah (S)** ini adalah merujuk kepada kualiti dalam keimanan dan amalan warga muslim yang perlu diberi keutamaan dalam segala polisi dan strategi pembangunan sumber manusia.

Dalam rangka merealisasikan tuntutan **Syahadah (S)** bagi warga muslim di ITM, beberapa perkara berikut perlu diberi perhatian. Tahap kualiti **Syahadah (S)** adalah berkait rapat dengan tahap kualiti dalam penghayatan **Sunnah (S1), Solat (S2), Siyam (S3), Syakhsiyah (S4) dan Sodaqah (S5)**. Pencapaian “Quality” dalam perkara-perkara tersebut di kalangan warga ITM diagendakan dalam Program Q5S.

## 2.1 PROGRAM Q5S: PENGENALAN DAN KEPENTINGANNYA

Sebagaimana yang di sebutkan di atas, konsep 5S menekankan penghayatan kepada amalan **Sunnah (S1), Solat (S2), Siyam (S3), Syakhsiyah (S4) dan Sodaqah (S5)**. Untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang kepentingan dan tuntutan 5S ini, maka penjelasan bagi setiap konsep adalah seperti berikut:

### 2.1 SUNNAH (S1)

As-Sunnah merupakan model terbaik ( *uswatun hasanah* ) kepada merealisasikan tatacara hidup Islam. Mengenai kedudukan ini, al-Qur'an menyebutkan dalam Surah al-Ahzab ayat 21, maksudnya:

*“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagaimana (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan yang banyak mengingati Allah ”*

Dalam surah *al-Imran* **ayat 31 - 32** Allah berfirman maksudnya;

*Katakanlah: “Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu...”*

Dan dalam (surah *al-Hasyr* **ayat 7**) al-Qur’an turut menyebutkan, maksudnya;

*“Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah; dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukumanNya”.*

Imam Malik rahimahullah berkata;

*“Sunnah itu laksana perahu Nabi Nuh, siapa yang naik akan selamat dan siapa yang ketinggalan akan tenggelam” (lihat Ibn Taymiyyah dalam Risalah al-‘Ubudiyah).*

‘Quality’ dalam *al-Sunnah* atau **S1** ini merujuk kepada penghayatan cara hidup Islam dalam semua aspek dengan bermodelkan *al-Qur’an dan al-Sunnah*. Setiap warga muslim ITM mesti menyakini bahawasanya hanya cara hidup Islam sahaja sumber kejayaan mereka bagi kehidupan di dunia dan di akhirat.

### **2.1.2 Solah (S2)**

Solat menduduki hierarki tertinggi dalam skema perintah Allah kepada manusia. Ia juga merupakan jentera utama untuk meletakkan kehidupan insan di atas landasan hidayah. Al-Qur’an menyebut dalam (surat *al-Ankabut* **ayat 45**);

*“Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar”.*



Rasulullah *Sallallahu ‘Alayhi Wassalam* telah bersabda;

*“Amalan yang mula-mula dihisab pada hari Qiamat kelak ialah solat. Jika solat seseorang sempurna, maka sesungguhnya ia telah berjaya dan memperolehi keselamatan ...”* (Maksud hadith riwayat Imam al-Tirmidzi dari Abu Hurayrah radiyallahu ‘anh , *Sunan al-Tirmidzi, Abwab al-Solat*, hadith no. 409 ).

“Quality” dalam **S2** ini merujuk kepada pencapaian yang disebut dalam maksud ayat al-Qur’an di atas dan al-Qur’an (Surah al- *Mu’minun* **ayat 1 - 2**) turut menyatakan;

*“Sesungguhnya beroleh kejayaanlah orang-orang yang beriman yang mana mereka menunaikan sembahyang dalam keadaan khusyuk”.*

Sayyidina ‘Umar ibn al-Khattab radiyallahu ‘anh telah berkata kepada para gabenornya ;

*“Sesungguhnya urusan kamu semua yang terpenting menurutku ialah solat. Barangsiapa menjaganya dan selalu mengerjakannya bererti ia telah menjaga agamanya. Barangsiapa mensia-siakan, maka terhadap yang lain-lain tentu ia lebih mensia-siakan”* (Athar riwayat Imam Malik dari Nafi’ Mawla ‘Abdullah bin ‘Umar radiyallahu ‘anhuma, *Muwatta’, Kitab Wuqutu al-Solah, hadith no. 5*)

### **2.1.3 Siyam (S3)**

Siyam merupakan ibadat penting dalam menghasilkan sifat taqwa kepada Allah subhanahu wa ta’ala.

Al - Qur’an menyebut (Surah *al-Baqarah* **ayat 183**),

*“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa seperti mana telah diwajibkan ke atas mereka sebelum kamu. Mudah-mudahan kamu menjadi orang yang bertaqwa”.*

Rasulullah sallallahu ‘alayhi wasallam bersabda;

*“Barangsiapa yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan ihtisab (mengharapkan ganjaran dari Allah subhanahu wa ta’ala), maka akan diampunkan dosa-dosanya yang terdahulu. Barangsiapa yang ber ‘ibadah malam di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan ihtisab , maka akan diampunkan dosa-dosanya yang terdahulu. Dan barangsiapa yang ber ‘ibadah malam pada malam Laylat al-Qadr dengan penuh keimanan dan ihtisab , maka akan diampunkan dosa-dosanya yang terdahulu” (Hadith riwayat Imam al-Bukhariy dan Imam Muslim dari Abu Hurayrah radiyallahu ‘anh, lihat Misykat al-Masabih, Kitab al-Saum, hadith no. 1902).*

‘Quality’ dalam S3 ini merujuk kepada pencapaian sifat taqwa melalui ibadah puasa baik di bulan Ramadhan mahupun di bulan-bulan yang lain. Taqwa adalah satu terminologi yang amat penting dalam kehidupan seorang muslim.

Sayyidina Umar ibn al-Khattab pernah bertanya kepada Ubai bin Ka’ab radiyallahu ‘anh, “Apakah yang dimaksudkan dengan ‘taqwa’. Ubai bin Ka’ab menjawab, wahai ‘Umar, pernahkah kamu berjalan ditempat yang penuh duri? Jawab ‘Umar, pernah. ‘Bagaimana kamu berjalan ditempat seperti itu’, tanya Ubai b. Ka’ab, Jawab Umar, “Aku berjalan dengan berhati-hati takut terpijak duri. Jawab Ubai b. Ka’ab. Itulah Taqwa (yakni berjalan di atas muka bumi dengan berhati-hati takut melanggar perintah Allah s.w.t.).

Al-Qur’an (surah *al-Baqarah* ayat 2 - 5) turut memberi ciri-ciri orang yang

bertaqwa seperti berikut:-

*“ Iaitu mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian rezeki yang kami anugerahkan kepada mereka, dan mereka yang beriman kepada kitab (al-Qur'an) yang telah diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya, serta mereka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat. Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang beruntung”.*

Berdasarkan pengertian konsep taqwa di atas, diharapkan penghayatan S3 yang berkualiti boleh melahirkan kakitangan dan pelajar ITM yang bertaqwa.

#### **2.1.4 Syakhsyah (S4)**

Syakhsyah menyentuh secara langsung aspek akhlak di kalangan warga ITM. Al-Qur'an menyebut (Surah *al-Ahzab* ayat 35 ), yang bermaksud;

*“Sesungguhnya laki-laki dan perempuan yang muslim (tunduk), laki-laki dan perempuan yang mukmin, laki-laki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, laki-laki dan perempuan yang benar, laki-laki dan perempuan yang sabar, laki-laki dan perempuan yang bersedekah, laki-laki dan perempuan yang berpuasa, laki-laki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, laki-laki dan perempuan yang banyak menyebut (nama Allah), Allah telah menyediakan untuk mereka ampunan dan pahala yang besar”.*

Rasulullah *Sallallahu 'Alayhi Wassalam* telah bersabda, yang bermaksud;

*“Sesungguhnya aku diutus (ke dunia) untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”.* (Hadith riwayat Imam Malik dalam *Muwatta, Kitab al -Jami', Ma Jaa fi Husn al-Khuluq* , hadith no. 1634).

“Quality” dalam S4 ini merujuk kepada penghayatan **akhlak** mulia dikalangan warga ITM sebagaimana yang dianjurkan oleh agama berdasarkan suruhan al-Qur’an dan al-Sunnah. Usaha ini amat perlu dalam menangani masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja masa kini serta pembentukan kualiti syakhshiyah di kalangan kakitangan ITM.

### 2.1.5 Sodaqah (S5)

Sodaqah menurut istilah al-Quran ialah zakat yang diwajibkan ke atas harta-harta tertentu. Ibadat zakat adalah seperti ‘baja’ yang dapat menyuburkan harta dan ‘penawar’ yang paling mujarab untuk membersihkan jiwa dari penyakit cintakan harta.

Al-Qur’an menyebutkan dalam (surah *al-Tawbah* **ayat 103**);

*“Ambillah sodaqah (zakat) dari sebahagian harta mereka, yang dengannya (zakat), kamu membersihkan dan mensucikan mereka”.*

Rasulullah *Sallallahu ‘Alayhi Wassalam* bersabda;

*“Tidak akan berkurang harta kerana bersedekah”* (Hadith riwayat Imam Muslim dari Abu Hurayrah radiyallahu ‘anh, lihat *Misykat al-Masabih, kitab al-Zakah*, hadith no, 1833).

“Quality” dalam S5 ini merujuk kepada kesediaan pemilik harta yang berkemampuan mengeluarkan zakat. Dana zakat ini pula mestilah diagihkan kepada mereka yang berhak menerimanya dengan sebaik mungkin. Al-Quran dengan jelas menyatakan sasaran agihan zakat seperti firman Allah S.W.T dalam (surah *at-Taubah* ayat 60) yang bermaksud:

*“Bahawasanya sodaqah (zakat-zakat) itu adalah untuk orang-orang faqir, orang-orang miskin, pengurus zakat, orang-orang muallaf, untuk memerdekakan hamba, orang yang berhutang, pada jalan Allah dan untuk orang yang musafir, sebagai suatu ketetapan daripada Allah, Allah Maha*

*Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.*

Perlaksanaan Program Q5S berlandaskan konsep Syura dengan dihayati bersama konsep **Sabar** dan **Syukur**. Mengenai konsep **Sabar**, al-Qur'an pada banyak tempat menyentuh perihal keutamaan konsep ini. Dalam surah *al-Insan* **ayat 12**, misalnya disebut, dengan maksudnya;

*“Dan Tuhan memberikan balasan kepada mereka disebabkan kesabaran mereka, dengan taman (Syurga) dan pakaian sutera”.*

Dalam surah *al-Furqan* **ayat 75**, Allah subhanahu wa ta'ala berfirman, maksudnya;

*“Mereka mendapat tempat yang tinggi di dalam (syurga) sebagai pembalasan dari kesabaran mereka, dan di sana mereka akan mendapat penghormatan selamat datang dan salam kebahagiaan”.*

Manakala konsep **Syukur** pula, al-Qur'an dalam surah *Ibrahim* **ayat 7**, menyebut, maksudnya;

*“... sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmatKu), maka sesungguhnya azabku sangat pedih”.*

Program **Q5S** ini bermatlamatkan konsep '*al-Falah*' yang merujuk kepada pencapaian **keredhaan Allah** di dunia dan di akhirat. Pencapaian keredhaan Allah dapat dimanifestasikan melalui pencapaian **Sakinah** di dunia dan **Syurga** di akhirat. Konsep **Sakinah** memberi gambaran kehidupan di dunia yang penuh kebahagiaan dan ketenangan manakala konsep **Syurga** memberi gambaran kehidupan di akhirat yang penuh kenikmatan. Mengenai kedudukan kedua-dua konsep ini, al-Qur'an menggambarkan dalam ayat-ayat berikut:-


Di dalam surah *Fushshilat* **ayat 30- 32** Allah berfirman maksudnya;

*“Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan: “Tuhan Kami ialah Allah”, kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka, maka malaikat akan turun kepada mereka (dengan mengatakan): Janganlah kamu merasa takut dan janganlah kamu merasa sedih; dan bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan Allah kepadamu. Kamilah pelindung-pelindungmu dalam kehidupan dunia dan di akhirat, di dalamnya kamu memperoleh apa yang kamu inginkan dan memperoleh (pula) di dalamnya apa yang kamu minta. Sebagai hidangan (bagimu) dari Tuhan Yang maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.*

Dalam surah *al-Ahqaf* ayat 13 - 14, Allah berfirman maksudnya;

*“Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan: “Tuhan kami ialah Allah”, kemudian mereka tetap istiqamah, maka tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan mereka tiada (pula) berdukacita. Mereka itulah penghuni-penghuni Syurga, mereka kekal di dalamnya; sebagai balasan atas apa yang telah mereka kerjakan”.*

Secara skematiknya hubungan perkara-perkara yang telah dibicarakan di atas tadi dapat dilihat seperti dalam rajah 2 berikut:



**Rajah 2: Hubungan di antara Syahadah dengan 5S**

Sebagaimana yang telah dijelaskan, konsep 5S adalah terdiri daripada **SUNNAH, SOLAH, SIYAM, SYAKHSIYAH DAN SODAQAHAH**. Kelima-lima perkara ini akan menjadi teras kepada segala tindakan bagi merealisasikan tuntutan Syahadah warga Muslim di ITM. Lantaran ini satu pelan tindakan yang menyeluruh perlu dibuat agar kualiti Syahadah warga Muslim ITM dapat dipertingkatkan. Kertas kerja ini adalah merupakan sebagai kertas konsep kepada cadangan pelan tindakan yang dinamakan **PROGRAM Q5S**

## 2.0 JUSTIFIKASI PROGRAM Q5S DI ITM

Program Q5S di ITM adalah berdasarkan justifikasi **5P** berikut:

1. **Pembinaan** peribadi Muslim dikalangan pelajar dan kakitangan ITM.
2. **Pengawalan** keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat Islam amnya dan warga ITM khususnya.
3. **Peningkatan** syi'ar Islam di kalangan masyarakat ITM
4. **Pengukuhan** hubungan silaturrahim di kalangan masyarakat ITM.
5. **Pemangkin** penghayatan syakhshiyah dan akhlak Islam dalam semua aspek kehidupan.

## 3.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENTADBIR ITM DALAM PELAKSANAAN PRORAM Q5S

Imam al-Mawardiyy ( lihat *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah* ) menggariskan tanggungjawab pemimpin atau ketua negara yang boleh diringkaskan seperti berikut;

1. Memelihara al-Din mengenai asas-asasnya (Usul) yang tetap.
2. Mewujudkan keadilan antara yang berbalah
3. Mewujudkan perlindungan terhadap golongan lemah



4. Melaksanakan hukum hudud
5. Mempertahankan negara
6. Menggerakkan jihad dalam menegakkan agama
7. Melaksanakan sistem percukaian secara haq
8. Mengurus harta negara secara efisien
9. Melantik pegawai yang cekap dan amanah
10. Mengadakan pengawasan yang rapi pada setiap peringkat.

Berdasarkan kepada suluhan tanggungjawab dan fungsi pemimpin di atas, dalam konteks ITM para pemimpin dan pentadbirnya perlu melaksanakan fungsi-fungsi berikut bagi menjayakan program Q5S, iaitu;

1. Memastikan semua warga Muslim ITM melaksanakan S1, S2, S3, S4 dan S5.
2. Memastikan warga Muslim ITM mempunyai kualiti dalam 5S dengan
  - Menyediakan prasarana
  - Memberi dorongan dan galakan
3. Mengurus dan mengagihkan dana sodaqah (S5) secara efisien
4. Mengenalpasti pegawai yang cekap dan amanah
5. Tindakan hisbah (pengawasan)

#### 4.0 SUMBER KEWANGAN PRORAM Q5S

Setiap Program dikaitkan dengan elemen kos. Dalam melaksanakan Program Q5S, adalah disyorkan bahawa sumber kewangan Program Q5S adalah dibiayai sepenuhnya oleh dana Sodaqah (S5). Ini selaras dengan tuntutan agama terhadap aspek infaq harta bagi kepentingan **Agama** atau **Ummah** seluruhnya. Harta-harta yang diinfaqkan akan membantu merealisasikan maqasid syariat yang berkaitan dengan penjagaan harta dan sekaligus penjagaan akal terutamanya dengan mengukuhkan sistem pendidikan melalui peranan zakat. Dalam model Program Q5S: S1, S2, S3 dan S4 lebih merupakan aktiviti yang lebih melibatkan individu sahaja. Manakala S5 (sodaqah) adalah aktiviti yang melibatkan hubungan individu dengan individu yang lain. Hubungan tersebut adalah melalui pengumpulan wang dari satu pihak dan pengagihannya kepada pihak yang lain.

Kedudukan ini memberi justifikasi bahawa pelaksanaan **S5** akan diberi perhatian yang istimewa dalam **program QS5** .

## **5.0 TAHAP KERJA PROGRAM QS5**

Program QS5 mesti dimulakan dengan **program QS5** . Proram **QS5** adalah terdiri dari program **QZ (Quality in Zakat), QI (Quality in Infaq) dan QW (Quality in Wakaf)**. Menyedari hakikat bahawa kejayaan program QS5 akan menjadi asas kepada proses mengkuilatkan S1, S2, S3, dan S4, sokongan kakitangan ITM terhadap program QS5 adalah amat diharapkan. Dari segi operasi, QZ, QI dan QW akan dilaksanakan mengikut fasa-fasa pelan tindakan yang berbeza. Oleh kerana program QS5 akan menjadi sasaran kerja yang istimewa, maka operasinya terdiri dari fasa-fasa berikut;

- i) Fasa pertama : Program QZ (Quality in Zakat)
- ii) Fasa kedua : Program QI (Quality in Infaq)
- iii) Fasa ketiga : Program QW (Quality in Wakaf)

## **5.1 PROGRAM QZ (Quality in Zakat)**

Program QZ ialah cadangan bagi membenarkan ITM untuk memungut dan mengagihkan zakat di kalangan warga ITM. Zakat akan dipungut dari kalangan kakitangan yang berkemampuan iaitu para pensyarah dan pentadbir dan diagihkan kepada warga ITM yang memerlukan iaitu para pelajar dan kakitangan yang berpendapatan rendah atau kakitangan yang mengalami malapetaka yang melibatkan kehilangan harta benda.

Program ini bertujuan mengkuilatkan ibadah zakat di kalangan warga ITM khususnya dan umat Islam di Malaysia umumnya. **Oleh kerana hampir 100% warga ITM terdiri dari bumiputera Muslim, maka adalah amat wajar ITM menjadi model dalam merealisasikan peranan zakat dalam sistem pendidikan negara.**

## 5.2 JUSTIFIKASI PROGRAM QZ DI ITM

Program QZ di ITM adalah berdasarkan justifikasi berikut:-

**5.2.1** Para ulamak bersepakat ( *muttafaq 'alaih* ) bahawa zakat hendaklah diagihkan di negeri/tempat di mana ianya dipungut selagi terdapat golongan yang berhak menerimanya di tempat/negeri tersebut. (lihat *Fiqh al-Zakah* : 2: 810-813) Berdasarkan pendapat ini, ITM boleh dianggap di dalamnya golongan yang berkemampuan mengeluarkan zakat dan golongan yang memerlukannya. Oleh itu adalah wajar zakat yang dipungut dari kakitangan ITM diagihkan kepada para pelajar dan kakitangannya yang memerlukan.

**5.2.2** Program QZ akan dapat meningkatkan komitmen warga ITM terhadap ibadat zakat. Berdasarkan faktor psikologi apabila pengeluar zakat di ITM mengetahui manfaat zakat yang mereka keluarkan adalah untuk warga ITM dan anak didik mereka sendiri, ini akan dapat menyakinkan mereka tentang kepentingan zakat dan meningkatkan komitmen mereka untuk terus mengeluarkan zakat pada tahun-tahun hadapan. Ianya juga sekaligus dapat menarik kakitangan yang mengeluarkan zakat di tempat-tempat lain untuk mengeluarkan zakat melalui ITM.

**5.2.3** Program QZ ini akan dapat memperkukuhkan lagi hubungan silaturrahim dikalangan warga ITM.

**5.2.4** Program QZ di ITM ini akan dapat membantu dan memudahkan Pusat Zakat Selangor dan MAIS dalam menyeru umat Islam menunaikan ibadat zakat.

**5.2.5** Sebahagian besar kakitangan ITM adalah beragama Islam. Jika diambil secara kasar, setiap kakitangan muslim menyumbangkan 2.5% daripada pendapatan mereka kepada Program QZ, jumlah yang akan diperolehi oleh Tabung Amanah Zakat adalah besar.

**5.2.6** Sekiranya program QZ ini berjaya direalisasikan di ITM, maka ia akan menjadi model bagi pelaksanaan projek ini di Institusi-institusi Pengajian Tinggi yang lain di negara kita.

### 5.3 OBJEKTIF PROGRAM QZ DI ITM

Program ini mempunyai 4 objektif utama:

- 5.3.1 Memastikan setiap warga Muslim di ITM yang berkemampuan membayar zakat
- 5.3.2 Memastikan agihan harta zakat dengan efisien.
- 5.3.3 Menyediakan dana bantuan pelajar dalam era pengkorporatan ITM.
- 5.3.4 Menyediakan bantuan kecemasan kepada Warga ITM khususnya kakitangan bawahan yang memerlukan bantuan untuk diri dan tanggungannya.

### 5.4 POTENSI PUNGUTAN ZAKAT DI ITM

Lebih 90% kakitangan ITM adalah beragama Islam. Adalah dianggarkan bahawa sebahagian besar dari mereka berkemampuan untuk mengeluarkan zakat. Jika diambil secara kasar, sumbangan 2.5% daripada pendapatan mereka kepada Program QZ, jumlah yang akan diperolehi oleh Tabung Amanah Zakat ITM adalah besar. **Sila lihat lampiran I.**

### 5.5 PENGANJUR PROGRAM

Oleh kerana program QZ melibatkan pembayaran zakat, maka program ini akan dikendalikan secara bersama oleh **Institut Teknologi MARA (ITM)** dan **Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)**.

### 5.6 ORGANISASI PENTADBIRAN PROGRAM QZ

Organisasi pentadbiran program QZ adalah seperti dalam **Lampiran II.**

Pelaksanaan Program QZ ini akan diawasi oleh **Lujnah Zakat** yang dipilih dari kalangan mereka yang mahir dan berpengetahuan di dalam hal yang berkaitan.

Adalah dicadangkan bahawa ahli-ahli Lujnah ini terdiri daripada:-

- i. Timbalan Rektor ITM (Hal Ehwal Akademik/Pelajar)- **Pengerusi**

- ii. Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar)
- iii. Ketua Pusat Pendidikan Islam
- iii. Ketua Unit Agama
- iv. Wakil MAIS
- v. Pakar Rujuk Zakat
- vi. Bendahari ITM/wakilnya
- vii. Pendaftar ITM
- viii. Wakil MITASA
- ix. Wakil Persatuan Pentadbir
- x. Wakil KKUITM
- xi. Wakil AJK Perunding Program Q5S - **Setiausaha**

Di antara peranan penting yang dimainkan oleh Lujnah Zakat ini ialah:-

- i. Mengawas Pengurusan Program QZ
- ii. Mengenalpasti sasaran agihan zakat di ITM
- iii. Mengawas agihan zakat agar menepati asnafnya
- iv. Memberi nasihat berkait dengan zakat kepada urusetia zakat.

## 5.7 AKAUN

Tabung Amanah Zakat akan dikendalikan di bawah Tabung Amanah yang dikawal oleh Bendahari ITM. Tabung Amanah ini adalah merupakan sebahagian daripada akaun yang disatukan.

## 5.8 AUDIT

Kelancaran dan piawaian akaun Tabung Amanah Zakat akan disemak oleh Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar.

## 5.9 AGIHAN HARTA ZAKAT

Pengagihan harta zakat hendaklah dibuat kepada sasaran-sasaran tertentu yang telah disebutkan di dalam al-Qur'an (Surah *al-Tawbah* **ayat 60**)

maksudnya:

*“Bahawa sodaqah (zakat-zakat) itu, untuk orang-orang faqir, orang-orang miskin, pengurus zakat, orang-orang muallaf bagi memujuk hatinya, untuk memerdekakan hamba, orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk orang musafir (yang keputusan belanja), sebagai suatu ketetapan daripada Allah, Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.*

Asnaf-asnaf ini secara ringkas adalah seperti berikut:

- A1) Fakir
- A2) Miskin
- A3) ‘Amil
- A4) Muallaf
- A5) Al-Riqab (Memerdekakan hamba)
- A6) Al-Gharimin (Orang-orang yang berhutang)
- A7) Fi Sabilillah ( untuk jalan Allah)
- A8) Ibnu Sabil (Orang musafir)

## **6.0 PENGAGIHAN DANA ZAKAT DI ITM**

Daripada 8 asnaf di atas, tiga asnaf yang boleh dikenal pasti dengan mudah di ITM iaitu A1 (fakir), A2 (miskin) dan A4 (muallaf). Berhubung dengan A7 (Fi Sabilillah), jika terminologi ‘Fi Sabilillah’ diluaskan pengertiannya mencakupi segala macam amalan kebajikan yang membawa masalah kepada agama Islam dan umatnya, maka asnaf ini juga boleh diagihkan di ITM bagi membiayai pelbagai program untuk meningkatkan syiar Islam. Ini tentunya pula berkaitan dengan strategi pembangunan S1, S2, S3, dan S4.

**6.1** Tafsiran terhadap asnaf-asnaf ini adalah berdasarkan kepada buku

**Fatwa Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor Darul Ehsan yang disediakan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor Darul Ehsan.**

### **a) Fakir**

Dalam konteks ITM asnaf fakir adalah terdiri dari pelajar muslim yang datang dari keluarga yang tidak mempunyai harta atau pendapatan yang halal dan boleh memenuhi keperluan anggota keluarganya termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain. Ciri-ciri keluarga pelajar fakir ialah:

- i) Pelajar yang kematian bapa atau hilang tempat bergantung
- ii) Bapa yang tidak ada harta atau pekerjaan.
- iii) Bapa yang tua dan uzur yang tidak mampu bekerja

Pembiayaan yang dicadangkan kepada mereka dari dana zakat adalah untuk tujuan-tujuan berikut;

- Yuran Pengajian
- Keperluan pengajian - buku, alat tulis dan lain-lain.
- Keperluan sara hidup - makan minum, pakaian, sewa tempat kediaman, tambang pengangkutan dan lain-lain.

### **b) Miskin**

Dalam konteks ITM, asnaf miskin ialah pelajar yang datang dari keluarga yang mempunyai harta atau berpendapatan yang tidak dapat memenuhi keperluan anggota keluarga sepenuhnya. Ciri-ciri keluarga pelajar miskin ialah:

- i) Bapa yang ada harta atau pekerjaan tetapi tidak mencukupi keperluan asasi diri dan tanggungannya.
- ii) Bapa yang tua dan uzur yang tidak mampu bekerja
- iii) Pelajar yang ibu dan bapanya bercerai.

Pembiayaan yang dicadangkan kepada pelajar-pelajar ini adalah untuk tujuan yang sama seperti keperluan asnaf pelajar fakir di atas.

### **c) Mu'allaf**

Dalam konteks ITM Mu'allaf ialah pelajar bumiputera bukan Islam atau kakitangan bukan Islam yang memeluk Islam dan imannya perlu diperkukuhkan. Maka dengan pemberian agihan ini diharapkan dapat menguatkan imannya serta mendekatkan orang-orang lain kepada Islam.

Pembiayaan untuk kumpulan ini adalah meliputi;


- i. Bantuan dan bimbingan kepada kakitangan/pelajar yang baru memeluk agama Islam
- ii. Pemberian galakan kepada muallaf yang dapat mendekatkan orang bukan Islam lain kepada Islam
- iii. Program-program untuk kakitangan/pelajar bukan muslim yang bertujuan untuk mengikis kesalahfahaman terhadap Islam dan mendekatkan diri mereka kepada Islam. Ini diselenggarakan melalui program-program seperti seminar, edaran risalah, diskusi, lawatan ke institusi-institusi Islam dan lain-lain.

### **d) Fi Sabilillah**

Fi Sabillilah ialah tiap-tiap pekerjaan atau aktiviti yang menjurus kepada keperluan dan masalah untuk menegakkan dan mengembangkan syiar Islam.

Asnaf ini dalam konteks ITM ialah segala usaha yang berbentuk dakwah Islamiyyah untuk mengembangkan dan meningkatkan penghayatan Islam dalam masyarakat Muslim ITM. Program-program tersebut termasuklah; Seminar, ceramah umum dan khusus, program bina insan, qiyamullail dan lain-lain yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) atau persatuan-persatuan pelajar di ITM.





**Rajah 3: Cadangan Asnaf Agihan Dana Zakat di ITM**

## 6.2 MENGEFISIENKAN AGIHAN ZAKAT

Seperti yang dinyatakan bahawa Asnaf-asnaf A1(fakir), A2(miskin), A4(muallaf), dan A7(fi sabilillah) boleh didapati di ITM. Asnaf-asnaf A1, A2 dan A4 boleh dikenalpasti oleh setiap Pensyarah/Penggawa/Dekan/Provos secara teliti di setiap kajian/asrama/cawangan di ITM manakala A7 diagihkan berdasarkan pelaksanaan program-program syi'ar Islam yang dikelolakan oleh Pusat Pendidikan Islam, Pusat Khidmat Islam Bersepadu (PKIB) dan persatuan-persatuan pelajar ITM.

## 7.0 PUNGUTAN DAN PENGAGIHAN DANA ZAKAT DI ITM

### 7.1 Operasi Pungutan Dana Zakat

ITM dan PZS akan berkempen/berdakwah bagi memastikan setiap warga muslim di ITM mengerjakan 'ibadah zakat ini. Instrumen secara berperancangan yang boleh digunakan ialah mempromosi syi'ar zakat secara pengedaran risalah, ceramah, kempen Radio Kampus, Forum Perdana Zakat di PKIB, ceramah untuk kakitangan di setiap kajian, ceramah ringkas sebelum khutbah Jumaat, Minggu QZ dan lain-lain yang seperluanya sama ada secara harian, mingguan, bulanan dan tahunan. Promosi syi'ar zakat hanya tamat sesudah 100 peratus warga Muslim ITM berjaya melaksanakan 'ibadah murni ini.

Setiap pembayaran zakat oleh warga Muslim ITM adalah dibuat melalui potongan gaji oleh Bendahari ITM. Sekiranya pihak MAIS bersetuju

mengenai kaedah pengagihan seperti yang dicadangkan oleh pihak ITM, pihak Bendahari ITM akan memasukkan bahagian agihan asnaf-asnaf di ITM ke dalam Tabung Amanah Zakat ITM dan menyalurkan selebihnya ke Pusat Zakat Selangor. Pihak PZS bertanggungjawab mengeluarkan resit pembayaran zakat kepada setiap pembayar zakat di ITM sebagaimana yang dinyatakan. (Aspek teknikal pembahagian kutipan tertakluk kepada persetujuan bersama antara MAIS dan ITM).

## **7.2 Operasi Agihan Dana Zakat**

Dana zakat yang terkumpul dalam Tabung Amanah Zakat ITM akan diagihkan kepada sekurang-kurangnya 4 Asnaf yang memang terdapat di ITM sebagaimana yang dinyatakan di dalam para 6.0.

Operasi sebegini akan membantu PZS untuk membuat agihan tepat kerana jentera pentadbiran yang besar di ITM di mana setiap kajian yang mempunyai pensyarah yang ramai akan dapat mengenalpasti asnaf-asnaf ini dengan mudah/teliti. Sebagai kawalan, proses agihan ini akan diperhatikan oleh Lujnah Zakat yang dianggotai oleh mereka yang pakar tentang zakat dari ITM dan PZS. Memandangkan jumlah keperluan pembiayaan pendidikan di ITM berkemungkinan melebihi daripada jumlah yang diperuntukkan kepada Tabung Amanah Zakat ITM (terutamanya keperluan pendidikan pelajar dalam era pengkorporatan IPT/ITM) Tabung Zakat ITM perlu juga dibantu oleh PZS dan juga Pusat Zakat dari negeri-negeri lain.

Kejayaan Program QZ, InsyaAllah akan disusuli dengan Program QI dan Program QW, yang berupa Pelan Tindakan Fasa Kedua dan Ketiga.

## **8.0 PROGRAM QI (QUALITY IN INFAQ): KONSEP UMUM**

Program QI adalah berupa lanjutan kepada program QZ. Program QI ('Quality in Infaq') memberi perhatian kepada sedekah sunat atau pemberian harta secara sukarela dari penderma sama ada kakitangan Mus-

lim ITM, kakitangan bukan Muslim ITM, bekas pelajar atau Alumni ITM dan sumbangan organisasi luar.

Program QI ini perlu dipromosikan secara kempen besar-besaran kerana ia juga berpotensi dijadikan sumber kewangan kebajikan pelajar khususnya dan warga ITM umumnya di masa depan. Jika kakitangan muslim hanya menyalurkan 2.5% secara wajib dalam Program QZ, mungkin ramai daripada mereka yang berkecenderungan untuk membuat kebajikan sunat sebanyak 2.5% lagi (atau kadar-kadar tertentu berdasarkan kerelaan) dalam program QI. Program ini juga membuka ruang kepada kakitangan bukan muslim untuk turut memberi sumbangan kepada pelajar didikan mereka sama ada yang Muslim atau bukan Muslim.

Program QI boleh dikembangkan operasinya kepada bekas-bekas pelajar ITM yang sudah berjumlah melebihi 100,000 orang dengan pelbagai pangkat dan jawatan di seluruh negara. Mereka ini akan didampingi untuk turut terlibat secara aktif dan positif bagi menjayakan program QI ini. Program QI akan diperkukuhkan dengan sumbangan organisasi luar dan golongan korporat selaras dengan tanggungjawab sosial institusi-institusi berkenaan.

## **9.0 PROGRAM QW ( QUALITY IN WAKAF): KONSEP UMUM**

Program QW adalah lanjutan kepada Program QI. Program QW (‘Quality in Wakaf’) memberi perhatian kepada sedekah jariyah yakni sedekah atau pemberian harta yang bersifat kekal. Wakaf atau pemberian seumpama ini boleh dibuat oleh kakitangan Muslim/bukan Muslim dan pemberian dari pihak luar.


Program QW adalah berpotensi untuk dijadikan sumber kewangan dan keperluan/kemudahan pelajar dan warga ITM di masa depan. Program QW perlu memberi perhatian kepada pendekatan **Institusi Wakaf Universiti al-Azhar** yang sering disebut mampu menyediakan tempat pengajian kepada pelajar tanpa mengenakan sebarang yuran.

## 10.0 POTENSI PROGRAM Q5S DI PERINGKAT NASIONAL

Pendekatan Program Q5S berpotensi dilaksanakan di semua Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia melalui format yang sama seperti di ITM. Ia juga boleh dilaksanakan di peringkat sekolah-sekolah diseluruh negara melalui peranan Jabatan Pendidikan Negeri/Daerah, PIBG dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Program ini berkeupayaan tinggi untuk mengembalikan martabat Ummah dalam kecemerlangan ilmu. Secara tidak langsung, ia juga menjadi kaedah jangka panjang terpenting dalam menangani isu kemiskinan di kalangan Ummah.

## 11.0 RUMUSAN

Program Q5S ini, Insya Allah akan mencetuskan senario penghayatan agama yang sihat di kalangan warga ITM. Keutuhan S di kalangan warga Muslim ITM yang merujuk kepada keutuhan iman dan pengrealisasian **amalan soleh** dalam S1, S2, S3, S4, dan S5 adalah merupakan usaha-usaha ke arah pemantapan penghayatan Islam di ITM sekaligus **dapat menangani gejala-gejala sosial yang tidak sihat di dalam kampus**. Dalam kaitan dengan Pembangunan Sumber Manusia, Program Q5S, InsyaAllah akan memberi natijah yang positif seperti dalam rajah berikut:




**Rajah 4: Pembangunan/Pengurusan Sumber Manusia (PSM) Melalui Projek Q5S**

Berdasarkan terminologi 'Human Resource Management' (H-R-M), program Q5S *InsyaAllah* akan menghasilkan 'Hard-working Responsible

Man' (H-R-M) dan 'Honourable Respected Muslim' (H-R-M) seperti dalam rajah berikut:

Pengrealisasian dan pencapaian matlamat program Q5S adalah juga merupakan pra syarat terpenting untuk menarik janji-janji Allah SWT seperti yang disebutkan dalam ayat-ayat Al-Qur'an berikut:-



**Rajah 5: Hubungan Q5S dengan HRM**

Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman (Surat *a-A'raf* ayat 96), maksudnya;

*"Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka barakat dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-*

*ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya”.*

Allah subhanahu wa ta’ala berfirman (Surat *al-Nahl* **ayat 97**), maksudnya;


*“Barang siapa yang mengerjakan amal soleh, baik laki-laki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerja”.*

**Wallahu A’lam**

## BIBLIOGRAFI


1. Al-Qur'an, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* , K. Lumpur: BAHEAS, Jabatan Perdana Menteri, 1995
2. Al-Qardhawi, Yusuf, *Fiqh al-Zakah* , Beirut: Muassasah al-Risalah, 1993
3. Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad, *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah* , Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
4. Al-Tabrizi, Muhammad bin 'Abdullah al-Khatib, *Misykat al-Masabih* , tahqiq wa ta'liq Sa'id Muhammad al-Lahham, cet. 1, Beirut: Dar al-Fikr, 1991
5. Al-Nawawi, Mahyuddin Abi Zakariya Yahya bin Syarf, *Syarh Sahih Muslim* , Beirut: Dar al-Khair, 1994
6. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor, *Fatwa Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor*
7. Malik bin Anas, *Muwatta'* , ed. Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, t.t.
8. Al-Tirmidzi, Muhammad bin 'Isa, *Jami' al-Tirmidzi* , Kaherah: Mustafa 'al-Halabi, 1975

**HUBUNGAN PROGRAM ZAKAT DALAM PROGRAM Q5S**






## ORGANISASI TABUNG AMANAH ZAKAT



**WAWASAN PROGRAM ZAKAT, SADAQAH & WAKAF ITM**





## PUSAT ZAKAT SELANGOR

مجلس آاماء اسلام سلانور

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

### SEMPURNAKAN RUKUN ISLAM ANDA

- Mengucap Dua Kalimah Syahadah
- Sembahyang Lima Waktu
- Menunaikan Zakat
- Berpuasa di Bulan Ramadhan
- Mengerjakan Haji

### PUSAT ZAKAT SELANGOR

No. 24, Jalan Tengku Ampuan Zabedah D, 9/D, Seksyen 9, 40100 Shah Alam Selangor Darul Ehsan.

**Tel: 03-5805000 • Faks: 03-5804800**

*email: zakat@pzs.po.my*

### BAGAIMANA KAMI MEMUDAHKAN URUSAN PEMBAYARAN ZAKAT ANDA?!


#### SKIM POTONGAN GAJI

Mengapa anda harus sertai Skim Potongan Gaji?


- Menjimatkan masa.
- Memudahkan urusan berzakat anda.
- Tidak perlu pergi ke kaunter Pusat Zakat Selangor.
- Akan diberi penyata pembayaran dua (2) kali setahun (Jun dan Disember) bagi tujuan rebet cukai pendapatan.

#### Bagaimana untuk menyertainya...?

Isikan borang Skim Potongan Gaji yang disertakan di keratan bawah ini dan hantarkan kepada kami mengikut alamat yang diberikan sebelah kiri:



### \* BORANG PEMBAYARAN ZAKAT / SKIM POTONGAN GAJI PUSAT ZAKAT SELANGOR (MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR)



Nama: ..... No. KPT/KP: .....  
 Tarikh Lahir: ..... Tel. Rumah: ..... Tel. Pejabat: .....  
 Alamat Surat Menyurat: .....

**SILA LENGKAPKAN "A" SEKIRANYA ANDA INGIN MENGIRIMKAN CEK/WANG POS BAGI PEMBAYARAN ZAKAT ATAU "B" SEKIRANYA ANDA BERMINAT MENYERTAI SKIM POTONGAN GAJI.**

#### **A** Niat membayar zakat:

Inilah wang sebanyak RM ..... (setahun) sebagai menunaikan Zakat Pendapatan/Harta yang wajib ke atas diri saya bagi tahun berakhir ..... kerana Allah Ta'ala.

#### **B** Sila lengkapkan maklumat di bawah untuk menyertai Skim Potongan Gaji

No. Gaji / Kakitangan: ..... Jawatan: ..... No. Telefon Majikan: .....  
 Nama dan Alamat Majikan: .....  
 Saya berminat untuk menyertai Skim Potongan Gaji sebanyak RM ..... sebulan. Sila berurusan dengan majikan saya.

Tarikh: ..... Tandatangan: .....

*Nota: Pihak kami akan berurusan dengan majikan tuan/puan untuk tindakan lanjut.*